



Salah Faham terhadap Isu Bacaan Qunut: Analisis dari Perspektif *Muhaddithin* dan *Ijtihad Fuqaha*'

Khadher Ahmad¹,
Mustaffa Abdullah²
Mohd Farhan Md Ariffin³

Abstrak

Isu bacaan Qunut dalam ibadah solat adalah antara isu yang menjadi perdebatan hebat antara golongan yang menerima dengan golongan yang menolaknya. Isu ini dibahaskan berdasarkan rujukan kepada hadith dan juga pandangan ulama mazhab. Melalui metode dokumentasi dan perpustakaan (*library research*) data dikumpulkan dan dianalisis melalui metode induktif dan deduktif. Artikel ini bertujuan untuk mencari titik perbezaan dan persamaan dalam perbincangan berkaitan dengan bacaan Qunut dalam solat khususnya Subuh dan Witr. Asas perbincangan adalah dengan mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan bacaan Qunut, diikuti dengan mengemukakan pandangan ulama hadith dalam mensyarahkan hadith tersebut. Pada masa yang sama dikemukakan juga pandangan ulama mazhab dan asas yang menjadi perbincangan serta ijtihad yang dikemukakan oleh mereka. Melalui analisis perbandingan, diharapkan dapat diharmonikan antara pandangan yang menolak dan juga pandangan yang menerima berkaitan dengan bacaan Qunut dalam solat. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara antara perbincangan yang dikemukakan oleh ulama hadith dengan asas ijtihad dalam kalangan ulama fiqh atau mazhab. Walaupun demikian, sebenarnya kedua-dua pandangan mempunyai asas yang kukuh dan boleh dijadikan sebagai ikutan dalam ibadah.

Kata kunci: Salah faham; Sunnah, Doa Qunut, Subuh, Witr, Nazilah

PENGENALAN

Permasalahan Qunut dalam ibadah solat sering menjadi bahan kontroversi yang tidak asing lagi dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Terdapat tiga aspek yang menjadi tumpuan dalam isu doa Qunut, iaitu Qunut subuh, nazilah dan witr. Ia merupakan masalah yang diperselisihkan dalam kalangan sarjana hadith dan fiqh. Perselisihan tersebut disebabkan

¹ Khadher Ahmad (PhD), Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Mustaffa Abdullah (PhD), Profesor Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

³ Mohd Farhan Md Ariffin, Pelajar Ijazah Tinggi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

keberadaan dan pemahaman terhadap hadith yang mendorong perbezaan pandangan dan ijtihad dalam kalangan sarjana Islam.

Namun begitu, hal tersebut nyata disalah tafsir dan tidak difahami dengan baik oleh sebahagian pendokong mazhab dan masyarakat awam. Sifat fanatik dan memenangkan pegangan masing-masing tanpa memahami asas perbincangan secara rinci nyata memburukkan lagi senario beragama di Malaysia.

SKOP DAN METODOLOGI

Melihatkan senario tersebut, terdapat keperluan untuk mencari pandangan yang bersifat wasatiyyah antara dua kelompok. Sebagai salah satu wadah, artikel ini berusaha mendalami perbincangan berkaitan Qunut berdasarkan penelitian terhadap nas hadith, ijtihad dan pandangan para sarjana sarjana hadith dan fiqh. Analisis bertujuan mengetengahkan kefahaman sebenar terhadap isu Qunut kepada umat Islam.

Antara isu tersebut ialah definisi, pembahagian dan periwayatan hadith Qunut. Melalui pendekatan analisis data secara campuran (*mixed method*) berasaskan kajian kualitatif, perkara utama yang diberi penekanan adalah penjelasan secara kritis terhadap setiap isu mengenai hadith Qunut. Seterusnya, kajian juga menggariskan kaedah tepat dalam pengamalan Qunut dalam rangka mendamaikan antara dua kelompok yang menerima dan menolak khusus bagi golongan agamawan, penuntut ilmu dan masyarakat awam di Malaysia.

HASIL DAPATAN

Konsep dan Latar Belakang Qunut

Dari sudut etimologi, Qunut mempunyai definisi yang pelbagai. Terdapat lebih 10 jenis makna berbeza sebagaimana yang dinukilkan daripada Ibn ‘Arabi, Zayn al-Din al-‘Iraqi⁴ dan Ibn Manzur.⁵ [*Pertama*]: Menahan diri daripada berkata-kata atau diam.

ﻗﻮﻣﻮﺍ ﻟﯩﻠﻪ ﻗﺎﺗﯩﻨﯩﻦ ﻓﺎﻣﺮﻧﺎ ﺑﺎﻟﺴﻜﻮﺕ

Terjemahan:

“Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu, khasnya sembahyang wusta (Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.”

[Surah al-Baqarah (2): 238]

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ قَالَ: كُنَّا نَتَكَلَّمُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ فِي الصَّلَاةِ، فَنَزَلَتْ: وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَاتِنِينَ فَأْمُرْنَا
بِالسُّكُوتِ

Terjemahan:

Daripada Zayd Ibn Arqam berkata: “Kami pernah berkata-kata dalam solat sehingga turun ayat: “Berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan penuh taat dan khusyuk.” Maka kami diarahkan untuk diam (ketika solat).

[Hadith riwayat al-Tirmidhi]⁶

⁴ Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Riyad: Fahasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Ithna’ al-Nashr, 2001, 2: 570.

⁵ Isma‘il Shindi, *Ahkam al-Qunut fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah Fiqhiyah Muqaranah*, Palestin: Jami‘ah al-Quds al-Maftuhah/al-Khalil, 2004, 3.

[Kedua]: Lama berdiri (*Qiyam*):

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: أَفْضَلُ الصَّلَاةِ طُولُ الْقُنُوتِ

Terjemahan:

Daripada Jabir Ibn 'Abdillah al-Ansari berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Sebaik-baik solat ialah (*solat*) yang lama berdirinya.”

[Hadith riwayat Ahmad]⁷

[Ketiga]: Taat:

مَنْ كَانَ ذَكَرَ اللَّهَ حَذُوقًا وَعِيقًا فَهُوَ عَابِدٌ حَقِيقٌ

Terjemahan:

“*Sesungguhnya orang lelaki yang Islam serta orang perempuan yang Islam, dan orang lelaki yang beriman serta orang perempuan yang beriman, dan orang lelaki yang taat serta orang perempuan yang taat dan orang lelaki yang benar.*”

[Surah al-Ahzab (33): 35]

[Keempat]: Zikir (dengan maksud mengingati Allah SWT melalui ketaatan)

مَنْ زَكَرَ اللَّهَ حَذُوقًا وَعِيقًا فَهُوَ عَابِدٌ حَقِيقٌ

Terjemahan:

“(*Engkaukah yang lebih baik*) atau orang yang mengingati Allah dengan taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (*azab*) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya?”

[Surah al-Zumar (39): 9]

[Kelima]: Ibadah

مَنْ زَكَرَ اللَّهَ حَذُوقًا وَعِيقًا فَهُوَ عَابِدٌ حَقِيقٌ

مَنْ زَكَرَ اللَّهَ حَذُوقًا وَعِيقًا فَهُوَ عَابِدٌ حَقِيقٌ

مَنْ زَكَرَ اللَّهَ حَذُوقًا وَعِيقًا فَهُوَ عَابِدٌ حَقِيقٌ

⁶ Hadith riwayat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab Tafsir al-Quran, Bab wa Min Surah al-Baqarah, no. Hadith. 2986. al-Tirmidhi mengatakan hadith ini hasan sahih, dan juga dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Bashshar 'Awad Ma'ruf, Dar al-Maghrib al-Islami, 1998, 668.

⁷ Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Mukathirin Min al-Sahabah, Musnad Jabir Ibn 'Abdillah, no. Hadith 14233. Dihukum sahih oleh Shu'aib al-Arnaut. Abu 'Abd Allah Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal Ibn Hilal Ibn Asad al-Shaibani, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2001, 22: 138.

Terjemahan:

“(Satu misal perbandingan lagi, iaitu): Maryam binti Imran yang telah memelihara kehormatan dan kesuciannya (tetapi Kami telah takdirkan dia mendapat anak) maka Kami perintahkan Jibril meniup ke dalam tubuhnya daripada roh (ciptaan) kami; dan (sekalipun Maryam hidup di antara kaum kafir) ia mengakui kebenaran kalimah Tuhannya serta kitab-Nya; dan menjadi orang yang tetap taat beribadah.”

[Surah al-Tahrim (66): 12]

[Keenam]: Khusyuh dalam ibadah dan melazimi perkara ketaatan tanpa disertai dengan maksiat;

[Ketujuh]: Berdiri;

[Kelapan]: Berterusan menjalankan ketaatan;

[Kesembilan]: Penetapan ibadah kepada Allah SWT;

[Kesepuluh]: Doa.⁸

Menurut Ibn Manzur, definisi Qunut yang masyhur dari sudut bahasa adalah doa. Daripada berikut, difahami bahawa Qunut merangkumi aspek ibadah dan permohonan doa kepada Allah SWT dalam keadaan berdiri. Bahkan mencakupi segala perkara ketaatan. Seseorang jika tidak mampu berdiri dengan kedua kaki, boleh “*mendirikan*” (melakukan) sesuatu dengan niat. Inilah maksud Qunut menurut Ibn Saydah, iaitu mendirikan segala perintah Allah SWT.⁹

Dari sudut terminologi, Qunut bermaksud doa dalam solat. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani, iaitu berdoa secara berdiri dengan sifat-sifatnya yang khusus¹⁰ dalam solat subuh, witr atau fardhu. Sulayman Ibn Khalaf al-Baji juga menjelaskan bahawa Qunut bermaksud doa di penghujung (rakaat) solat.¹¹ Menurut jumhur ulama, Qunut merupakan sunnah yang *thabit* daripada Nabi Muhammad SAW.¹²

Pembahagian Qunut

[Pertama]: Qunut Witr

Qunut witr adalah sunnah menurut mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan Shafi’e. Ini merupakan pandangan Ibn Mas’ud, Ibrahim al-Nakha’i, Ishaq, al-Hasan al-Basri, Sufyan al-Thawri, Ibn Mubarak, Ibn Qudamah dan al-Sarkhasi.¹³ Dalam mazhab Shafi’e, Qunut witr disyariatkan pada 15 hari terakhir dalam bulan Ramadan.

⁸ Abu al-Hasan ‘Ali Ibn ‘Umar bin Ahmad al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, ed. Shu’i bal-Arnau’ut et.al, Beirut: Muassasah al-Risalah, 2004, 2: 371.

⁹ Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi wa Muassasah al-Turath al-‘Arabi, 1992, 11: 314.

¹⁰ Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani al-Shafi’i, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1379H, 2: 490.

¹¹ Sulayman Ibn Khalaf al-Baji, *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta’*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Islami, 1332H, 1: 281.

¹² Isma’il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 28.

¹³ Isma’il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 5.

[Kedua]: Qunut Nazilah

Nazilah didefinisikan sebagai musibah. Qunut Nazilah dilakukan apabila terdapat *nawazil* yang menimpa kaum Muslimin. Jika tiada bencana yang menimpa atau telah berakhir, maka tidak dilakukan Qunut nazilah. Menurut mazhab Shafi'e, hukum Qunut nazilah adalah sunat *hai'ah* dan disyariatkan dalam lima waktu solat fardhu pada ruku' terakhir sama ada secara berjemaah atau bersendirian.

[Ketiga]: Qunut Subuh

Para ulama berselisih pendapat berhubung Qunut subuh:

[*Qaul pertama*]: Qunut subuh adalah sunat. Ini merupakan pegangan Malik, Shafi'e, Ibn Abi Layla dan al-Hasan Ibn Soleh berdasarkan perlakuan mengerjakan Qunut subuh daripada *athar* Khulafa' al-Rashidin, sahabat dan tabi'in.

[*Qaul kedua*]: Qunut subuh adalah tidak disyariatkan oleh kerana sudah dimansuhkan oleh nas lain (*nasakh*). Ini merupakan pandangan Ahmad Ibn Hanbal, Abu Hanifah, Sufyan al-Thawri, al-Layth Ibn Sa'ad, al-Sha'bi, Yahya Ibn Yahya al-Andalusi dan Ibn Qudamah.

Hadith-Hadith Berkaitan Qunut (Analisis Hadith)

Qunut Witr

1. عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، أَنَّ النَّبِيَّ: كَانَ يَقُولُ فِي آخِرِ وَتْرِهِ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سُخْطِكَ، وَأَعُوذُ بِمُعَافَاتِكَ مِنْ عِقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ

Terjemahan:

Daripada 'Ali Ibn Abi Talib, sesungguhnya Nabi SAW berkata pada akhir solat witr: "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dengan keredaan-Mu daripada kemurkaan-Mu, dengan kemaafan-Mu daripada seksaan-Mu, dan aku berlindung dengan-Mu dari-Mu. Aku tidak mampu menghitung pujian kepada-Mu sebagaimana Engkau telah memuji diri-Mu sendiri."

[Hadith riwayat Ibn Majah]¹⁴

2. عَنْ أَبِي الْحَوْرَاءِ قَالَ: قَالَ الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: عَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ كَلِمَاتٍ أَقُولُهُنَّ فِي الْوَيْتْرِ، قَالَ ابْنُ جَوَّاسٍ: فِي قُنُوتِ الْوَيْتْرِ، اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيْمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذُلُّ مِنْ وَالِيَّتِ، وَلَا يَعِزُّ مِنْ عَادِيَّتِ، تَبَارَكَ رَبُّنَا وَتَعَالَيْتَ

Terjemahan:

¹⁴ Hadith riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith. 1179. Dihukum *sahih* oleh al-Albani dan al-Tirmidhi mengatakan hadith ini adalah hadith hasan seperti yang dinyatakan oleh al-Zayla'i. Lihat Muhammad bin Yazid Abu 'Abd Allah al-Qazwaini, *Sunan Ibn Majah*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1952, 210 dan Jamal al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah bin Yusuf bin Muhammad al-Zayla'i, *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah ma'a Hashiyatih Bughyah al-Alma'i fi Takhrij al-Zayla'i*, ed. Muhammad 'Awanah, Beirut: Mu'assasah al-Rayyan li al-Tiba' wa al-Nashr, 1997, 2:123.

Daripada Abu al-Hawra' berkata: al-Hasan Ibn 'Ali mengatakan: Rasulullah SAW mengajarkan kepadaku bacaan dalam witr atau menurut Ibn Jawwas: dalam Qunut witr: "Ya Allah, berikanlah aku petunjuk seperti orang-orang yang telah Engkau beri petunjuk, berikanlah aku kesihatan seperti orang-orang yang telah Engkau beri kesihatan, lindungilah aku seperti orang-orang yang telah Engkau lindungi, berkatilah aku seperti orang-orang yang telah Engkau berkati, jauhilah aku daripada kejahatan yang telah Engkau tentukan. Engkaulah yang dapat menafikan sesuatu dan tiada yang berkuasa selain Engkau. Sesungguhnya tidak hina orang yang mendapat perlindungan-Mu dan tiada yang mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Barakah Engkau tuhan kami dan Maha Mulia."

[Hadith riwayat Abu Dawud]¹⁵

3. *أَنَّ أَبِي بَن كَعْبٍ أَمَّهُمْ، يَعْنِي فِي رَمَضَانَ، وَكَانَ يَقْنُتُ فِي النِّصْفِ الْآخِرِ مِنْ رَمَضَانَ*

Terjemahan:

"Sesungguhnya Ubay Ibn Ka'ab ketika mengimamkan solat dalam bulan Ramadan, dia melakukan Qunut dalam separuh terakhir (15 hari terakhir) Ramadan."

[Hadith riwayat Abu Dawud]¹⁶

4. *عَنْ أَنَسٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْنُتُ فِي النِّصْفِ مِنْ رَمَضَانَ إِلَى آخِرِهِ*

Terjemahan:

Daripada Anas Ibn Malik: "Rasulullah SAW mengerjakan Qunut pada separuh kedua (15 hari terakhir) Ramadan."

[Hadith riwayat al-Bayhaqi]¹⁷

Qunut Nazilah

1. *عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهْرًا مُتَتَابِعًا فِي الظُّهْرِ، وَالْعَصْرِ، وَالْمَغْرِبِ، وَالْعِشَاءِ، وَالصُّبْحِ، فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ، إِذَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، مِنَ الرَّكْعَةِ*

¹⁵ Hadith riwayat Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith. 1425, dan al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Witr, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith 464. Dihukum sahih oleh al-Albani dan sahih di atas syarat al-Shaykhan menurut al-Hakim seperti yang dinyatakan oleh al-Suyuti. Rujuk Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani (Abu Dawud), *Sunan Abu Dawud*, Riyad: al-Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000, 245 dan al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 123-124.

¹⁶ Hadith riwayat Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith. 1428. Dihukum da'if oleh al-Albani. Manakala menurut al-Zayla'i, pada sanad hadith terdapat seorang perawi majhul, di mana a-Nawawi mengatakan kedua-dua jalan hadith (al-Hasan dan Ubay bin Ka'ab) adalah da'if (lemah). Oleh sebab itu, Abu Dawud mengatakan hadith ini (riwayat al-Hasan) yang menunjukkan bahawa hadith melalui jalan Ubay bin Ka'ab juga da'if. Rujuk Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, 247,

¹⁷ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Bab Man La fi al-Witr illa fi al-Nisf al-Akhir Min Ramadan, no. Hadith. 4637. Dalam rangkaian sanadnya terdapat Abu Atikah Tarif Ibn Sulayman yang digelar sebagai *munkar al-Hadith* oleh al-Bukhari sebagaimana dinyatakan daripada Ibn Hammad. Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn Ibn 'Ali al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi*, ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2003, 2: 703,

الْأَخِيرَةَ، يَدْعُو عَلَيْهِمْ، عَلَى حَيٍّ مِنْ بَنِي سُلَيْمٍ، عَلَى رِعْلٍ وَذَكَوَانَ وَعَصِيَّةَ، وَيُؤْمِنُ مِنْ خَلْفِهِ،
أَرْسَلَ إِلَيْهِمْ يَدْعُوهُمْ إِلَى الْإِسْلَامِ، فَقَتَلُوهُمْ
قَالَ عَفَّانُ فِي حَدِيثِهِ: قَالَ: وَقَالَ عِكْرِمَةُ: هَذَا كَانَ مِفْتَاحَ الْقُنُوتِ

Terjemahan:

Daripada Ibn ‘Abbas berkata: “*Rasulullah SAW mengerjakan Qunut secara berterusan selama sebulan dalam solat zuhur, asar, maghrib, isha’ dan subuh dalam setiap rakaat akhir solat selepas membaca ‘Sami’ Allah li man Hamidah’.* Baginda SAW mendoakan (laknat) kepada penduduk daripada Bani Sulaym, (kabilah) Ri’l, Dhakwan, ‘Usayyah dan diaminakan oleh orang yang solat di belakang baginda SAW. (Hal ini kerana) Baginda SAW telah menghantar utusan untuk menyeru mereka kepada Islam, namun mereka telah membunuh utusan baginda SAW.”

[Hadith riwayat Ahmad]¹⁸

‘Affan daripada hadithnya meriwayatkan: ‘Ikrimah berkata: “(Peristiwa tersebut) merupakan permulaan Qunut (nazilah).”

2. عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَنَتَ شَهْرًا، يَدْعُو عَلَى أَحْيَاءٍ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ، ثُمَّ تَرَكَهُ

Terjemahan:

Daripada Anas Ibn Malik: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW mengerjakan Qunut selama sebulan, mendoakan (laknat) ke atas satu kabilah daripada bangsa Arab. Kemudian baginda SAW meninggalkannya.*”

[Hadith riwayat Muslim]¹⁹

3. عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: لَمَّا رَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ رَأْسَهُ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَالَ: اللَّهُمَّ أَنْجِ الْوَلِيدَ بْنَ الْوَلِيدِ، وَسَلْمَةَ بْنَ هِشَامٍ، وَعِيَّاشَ بْنَ أَبِي رَبِيعَةَ، بِمَكَّةَ، اللَّهُمَّ اشْدُدْ وَطْأَتَكَ عَلَى مُضَرَ، وَاجْعَلْهَا عَلَيْهِمْ سَنِينَ كَسَنِي يُوسُفَ

Terjemahan:

Daripada Abu Hurayrah berkata: Ketika Rasulullah SAW mengangkat kepalanya (membaca Qunut) dalam solat subuh, baginda SAW berdoa: “*Ya Allah, selamatkanlah al-Walid Ibn al-Walid, Salamah Ibn Hisham, ‘Ayyash Ibn Abi Rabi’ah dan (seluruh kaum Muslimin) yang lemah di Mekah. Ya Allah, kuatkanlah tekanan-Mu ke atas kabilah Mudar (satu puak Arab), jadikanlah tahun-tahun mereka seperti tahun Nabi Yusuf (kemarau).*”

[Hadith riwayat Ibn Majah]²⁰

¹⁸ Hadith riwayat Ahmad, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Bani Hashim, Hadith ‘Abd Allah Ibn al-‘Abbas Ibn ‘Abd al-Mutalib no.Hadith. 2746. Dihukum sahih oleh Shu‘aib al-Arnaut. Ahmad bin Hanbal *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 4: 475.

¹⁹ Hadith riwayat Muslim. Kitab al-Masajid wa Mawadi’ al-Solah, Bab Istihbab al-Qunut fi Jami’ al-Solah Idha Nazalat bi al-Muslimin Nazilah, no. Hadith. 1554. Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000, 1: 783.

Qunut Subuh Hujah Golongan yang Menyokong

1. عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ يَقْنُتُ فِي الْفَجْرِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan:

Daripada Anas Ibn Malik berkata: “*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan Qunut subuh sehingga wafat.*”

[Hadith riwayat Ahmad, al-Daruqutni dan ‘Abd al-Razzaq al-San‘ani]²¹

2. عَنْ الرَّبِيعِ بْنِ أَنَسٍ قَالَ: كُنْتُ جَالِسًا عِنْدَ أَنَسٍ فَقِيلَ لَهُ: إِنَّمَا قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهْرًا، فَقَالَ: مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْنُتُ فِي صَلَاةِ الْغَدَاةِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan:

Daripada al-Rabi‘ Ibn Anas berkata: kami pernah duduk di samping Anas Ibn Malik, dan seseorang berkata kepadanya: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW mengerjakan Qunut selama sebulan.*” Anas Ibn Malik menambah: “*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan Qunut dalam solat subuh sehingga wafat.*”

[Hadith riwayat al-Bayhaqi]²²

3. عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ قَنَتَ شَهْرًا يَدْعُوا عَلَيْهِمْ ثُمَّ تَرَكَهُ، وَأَمَّا فِي الصُّبْحِ فَلَمْ يَزَلْ يَقْنُتُ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan: Daripada Anas Ibn Malik: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW mengerjakan Qunut dalam solat subuh mendoakan kepada masyarakat Arab selama sebulan. Kemudian baginda SAW meninggalkannya. Adapun (membaca Qunut) semasa solat subuh tidak pernah ditinggalkan sehingga wafat.*” [Hadith riwayat al-Bayhaqi dan al-Daruqutni]²³

4. عَنْ مُحَمَّدٍ قَالَ: سُئِلَ أَنَسٌ، أَقْنَتَ النَّبِيَّ فِي الصُّبْحِ؟ قَالَ: نَعَمْ، فَقِيلَ لَهُ: أَوْقَنْتَ قَبْلَ الرُّكُوعِ؟ قَالَ: بَعْدَ الرُّكُوعِ يَسِيرًا

²⁰ Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1244. Dihukum sahih oleh al-Albani. Al-Haythami menyatakan bahawa hadith ini juga riwayat al-Tabarani dalam *Mu`jam al-Kabir* sebagai hadith mursal dengan keseluruhan rijal (rawi hadith) adalah sahih. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 221 dan Nur al-Din ‘Ali bin Abi Bakr al-Haythami, *Majma` al-Zawa`id*, Beirut: Dar al-Fikr, 1412H, 2: 329.

²¹ Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Mukathirin Min al-Sahabah, Musnad Anas Ibn Malik, Muassasah al-Risalah, no. Hadith. 12657, al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi’ahu, no. Hadith. 1692. Ahmad, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 20: 95 dan al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, ed. Shu`ib al-Arna’ut et.al, Beirut: Muassasah al-Risalah, 2004, 2:370.

²² Hadith riwayat al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab al-Salah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du’a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3105. al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 287.

²³ Hadith riwayat al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab al-Solah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du’a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3104 dan al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi’ihi, no. Hadith. 1693. *Ibid.*, 2: 287 dan ‘al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 371.

Terjemahan: Daripada Muhammad (Ibn Sirin) berkata: Seseorang bertanya kepada Anas (Ibn Malik): “Adakah Nabi SAW mengerjakan Qunut dalam solat subuh?” Anas menjawab: “Ya.” Dia ditanya lagi: “Adakah baginda SAW mengerjakan Qunut sebelum ruku’?” Anas menjawab: “Selepas ruku’ dengan bacaan yang pendek.” [Hadith riwayat al-Bukhari]²⁴

5. عَنْ ابْنِ عَازِبٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَنَّتَ فِي الْفَجْرِ

Terjemahan: Daripada al-Barra’ Ibn ‘Azib: “Sesungguhnya Rasulullah SAW mengerjakan Qunut pada waktu subuh.” [Hadith riwayat Ahmad]²⁵

6. ثَنَا الْعَوَّامُ بْنُ حَمْزَةَ، قَالَ سَأَلْتُ أَبَا عَثْمَانَ عَنِ الْقُنُوتِ فِي الصُّبْحِ، قَالَ: بَعْدَ الرَّكُوعِ، قُلْتُ: عَمَّنْ؟
قَالَ: عَنْ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعَثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ

Terjemahan: Diceritakan kepada kami oleh al-‘Awwam Ibn Hamzah, dia bertanya kepada Abu ‘Uthman mengenai Qunut dalam solat subuh. Abu ‘Uthman menjawab: “(Qunut dilakukan) selepas ruku’.” al-‘Awwam bertanya lagi: “Daripada siapa (kamu mengetahuinya)?” Abu ‘Uthman menjawab: “Daripada Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Uthman.” [Hadith riwayat al-Bayhaqi]²⁶

7. عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَعْقِلٍ قَالَ: قَنَّتُ عَلَيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي الْفَجْرِ

Terjemahan: Daripada ‘Abd Allah Ibn Ma‘qil berkata: “Ali mengerjakan Qunut dalam solat fajar.” [Hadith riwayat al-Bayhaqi]²⁷

8. عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَنَّتُ وَخَلَّفَ
عُمَرَ فَقَنَّتُ وَخَلَّفَ عَثْمَانَ فَقَنَّتُ

Terjemahan: Daripada Anas Ibn Malik berkata: “Saya solat di belakang Rasulullah SAW, ‘Umar dan ‘Uthman dan mereka mengerjakan Qunut.” [Hadith riwayat al-Bayhaqi]²⁸

²⁴ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Witr, Bab al-Ruku’ Qabl al-Ruku’ wa Ba’dah, no. Hadith. 1001. Rujuk Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Isma’il al-Bukhari, *al-Jami’ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah wa Sunanihi wa Ayyamih al-Masyhur bi Sahih al-Bukhari*, ed. Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah, 1997, 1: 315-316.

²⁵ Hadith riwayat Ahmad, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Kufiyyin, Hadith al-Barra’ Ibn ‘Azib, no. Hadith. 18661. Dihakim *sahih* oleh Shu’aib al-Arna’ut. Rujuk Ahmad, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, 30: 609,

²⁶ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du’a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3108. Menurut al-Bayhaqi, sanad hadith ini adalah hasan (baik). Yahya Ibn Sa’id tidak meriwayatkan hadith kecuali daripada perawi yang *thiqah*. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 288.

²⁷ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Salah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du’a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3115. Menurut al-Bayhaqi, hadith ini merupakan riwayat yang sahih dan masyhur. Ia juga turut dihakim hasan oleh al-Albani dan Ibn al-Mulaqqan yang memetik pandangan al-Bayhaqi mengatakan hadith daripada ‘Ali ini adalah sahih lagi masyhur. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 290; Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Irwa’ al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1985, 2: 164. Ibn al-Mulaqqan Abu Hafs ‘Umar bin ‘Ali bin Ahmad al-Shafi’i, *Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi’ah fi al-Sharh al-Kabir*, ed. Mustaffa Abu al-Ghayd dan Abdullah bin Sulayman dan Yasir bin Kamal, al-Riyad: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzi’, 2004, 3: 652.

²⁸ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Salah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du’a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3107. Dihakim hasan oleh al-Albani.

9. عَنْ طَارِقٍ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ عُمَرَ الصُّبْحِ، فَقَنَّتْ
Terjemahan: Daripada Tariq berkata: “*Aku solat subuh di belakang ‘Umar dan dia mengerjakan Qunut.*” [Hadith riwayat al-Bayhaqi]²⁹
10. عَنْ عُبَيْدِ بْنِ عُمَيْرٍ قَالَ: سَمِعْتُ عُمَرَ يَقْنُتُ هَاهُنَا فِي الْفَجْرِ بِمَكَّةَ
Terjemahan: Daripada ‘Ubayd Ibn ‘Umayr berkata: “*Aku mendengar ‘Umar mengerjakan Qunut di sini pada waktu fajar di Mekah.*” [Hadith riwayat al-Bayhaqi]³⁰

Hujah Golongan yang Menolak

1. عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: كَانَ يَقْنُتُ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ، يَدْعُو عَلَى حَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ شَهْرًا، ثُمَّ تَرَكَ
Terjemahan: Daripada Anas Ibn Malik: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW mengerjakan Qunut dalam solat subuh mendoakan (laknat) kepada satu kelompok daripada masyarakat Arab selama sebulan. Kemudian baginda SAW meninggalkannya.*” [Hadith riwayat Ibn Majah]³¹
2. عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ كَانَ لَا يَقْنُتُ إِلَّا إِذَا دَعَا لِقَوْمٍ، أَوْ دَعَا عَلَى قَوْمٍ
Terjemahan: Daripada Anas Ibn Malik: “*Sesungguhnya Nabi SAW tidak melakukan Qunut kecuali untuk mendoakan (kebaikan) untuk suatu kaum atau (laknat) ke atas suatu kaum.*” [Hadith riwayat Ibn Khuzaymah]³²
3. عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْجَعِيِّ سَعْدِ بْنِ طَارِقٍ قَالَ: قُلْتُ لِأَبِي: يَا أَبَتَ: يَا أَبَتَ إِنَّكَ قَدْ صَلَّيْتَ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ هَاهُنَا بِالْكُوفَةِ نَحْوًا مِنْ خَمْسِ سِنِينَ، فَكَانُوا يَقْنُتُونَ فِي

Manakala Ibn al-Turkumānī mengatakan hadith perlu dilihat pada Khalid bin Da'la'j adakah dia sesuai untuk bersaksi dengannya ataupun tidak. Ini kerana Ibn Hanbal, Ibn Ma'in dan al-Daraqutni mengatakan dia seorang yang lemah. Ibn Ma'in mengatakan kemudiannya, dia bukanlah sesiapa (dipertikaikan periwayatannya). Al-Nasa'i pula mengatakan beliau bukan seorang yang thiqah bahkan tiada dari kalangan *Ashab al-Sittah* dan pengarang *al-Mizan* yang meriwayatkan hadith daripadanya melainkan al-Daraqutni sahaja. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 288; Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabi*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1985, 2: 160 dan 'Alī ibn 'Uthmān Ibn al-Turkumānī, *al-Jawhar al-Naqi 'ala Sunan al-Bayhaqi*, Damsyiq: Dar al-Nawadir, 2013, 2:201.

- ²⁹ Hadith riwayat al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil 'ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Salah al-Subh Innama Tarak al-Du'a li Qaum aw 'ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba'ilihim, no. Hadith. 3109. Dihukum hasan oleh al-Albani. Dalam *Mawsu'ah Atrah al-Hadith* menyebutkan bahawa hadith ini riwayatnya sahih yang bersambung daripada al-Bayhaqi dalam *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 288 dan al-Albani, *Irwa' al-Ghalil*, 2: 160.
- ³⁰ Hadith al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil 'ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du'a li Qaum aw 'ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba'ilihim, no. Hadith. 3110. Dihukum hasan oleh al-Albani. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 288 dan al-Albani, *Irwa' al-Ghalil*, 2: 160.
- ³¹ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1243. Dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 221.
- ³² Hadith riwayat Ibn Khuzaymah, Kitab al-Solah, Bab Dhikr al-Bayan An al-Nabi SAW lam yakun Yaqnut Dahrahu Kullah wa Innahu Innama kana Yaqnut idha Da'a li Ahad aw Yad'u ila Ahad, no. Hadith 620. Rujuk Abu Bakr Muhammad Ibn Ishak Ibn Khuzaymah Ibn al-Mughirah Ibn Soleh Ibn Bakr al-Salmi al-Naysaburi, *Sahih Ibn Khuzaymah*, Beirut: Maktab al-Islami, 1992, 1:338. Dihukum sahih oleh Muhammad Mustafa al-A'zami.

الْفَجْرِ، فَقَالَ: أَيُّ بَنِيٍّ مُحَدَّثٌ

Terjemahan: Daripada Abu Malik Sa'ad Ibn Tariq al-Ashja'i berkata: aku bertanya kepada ayahku (Tariq Ibn al-Ashim al-Ashja'i): "Wahai ayah, wahai ayah, sesungguhnya engkau telah solat di belakang Rasulullah SAW, Abu Bakar, Uthman dan 'Ali di sini dan di Kufah selama lima tahun. Adakah mereka melakukan Qunut dalam solat subuh?" Ayah menjawab: "Wahai anakku, demikian adalah diadadakan." [Hadith riwayat Ibn Majah, al-Tirmidhi, Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Hibban]³³

4. عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: مَا قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ فِي شَيْءٍ مِنْ صَلَوَاتِهِ

Terjemahan: Daripada Ibn Mas'ud berkata: "Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakan Qunut dalam mana-mana solatnya." [Hadith riwayat al-Bayhaqi]³⁴

5. عَنْ أَبِي مَجْلَزٍ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ ابْنِ عُمَرَ صَلَاةَ الصُّبْحِ فَلَمْ يَقْنِتْ، فَقُلْتُ لِابْنِ عُمَرَ: لَا أَرَاكَ تَقْنِتُ، قَالَ: لَا أَحْفَظُهُ عَنْ أَحَدٍ مِنْ أَصْحَابِنَا

Terjemahan: Daripada Abu Mijlaz berkata: aku solat bersama-sama Ibn 'Umar dalam solat subuh dan dia tidak mengerjakan Qunut. Maka aku bertanya kepada Ibn 'Umar: "Aku tidak melihat kamu mengerjakan Qunut." Dia menjawab: "Aku tidak menghafal hal tersebut (mengerjakan Qunut) daripada sahabat kami." [Hadith riwayat al-Bayhaqi]³⁵

6. عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ الْقُنُوتَ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ بَدْعَةٌ

Terjemahan: Daripada Ibn 'Abbas: "Sesungguhnya Qunut dalam solat subuh adalah bid'ah." [Hadith riwayat al-Bayhaqi]³⁶

7. عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ نَهَى عَنِ الْقُنُوتِ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ

Terjemahan: Daripada Ummu Salamah: "Sesungguhnya Nabi SAW melarang daripada mengerjakan Qunut dalam solat subuh." [Hadith riwayat Ibn Majah, al-Bayhaqi dan al-Daruqutni]³⁷

³³ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1241; al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sahw, Bab Ma Ja'a fi Tarak al-Qunut, no. Hadith. 402; Ahmad, Musnad Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Makkiyin, Hadith Tariq Ibn Ashim al-Ashja'i Abu Malik RA, no. Hadith. 15879; Min Musnad al-Qaba'il, Min Hadith Tariq Ibn Ashim, no. Hadith. 27209; Riwayat al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Tatbiq, Bab Tarak al-Qunut, no. Hadith. 1069; Ibn Hibban, Sahih Ibn Hibban, Kitab al-Solah, Fasl fi al-Qunut, Bab Dhikr Nafi al-Qunut 'Anhu SAW fi al-Solawat, no. Hadith. 1989. Dihukum sahih oleh Shu'aib al-Arnaut, al-Albani dan al-Tirmidhi. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2: 296; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 109; Ahmad, Musnad Ahmad bin Hanbal, 25: 214 dan 45: 187; Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, *Sunan al-Nasa'i*, Riyad: al-Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000, 174; 'Ali Ibn Bilban al-Farisi, *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Bilban*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 2013, 5: 328.

³⁴ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3154. Dihukum da'if oleh al-Bayhaqi oleh kerana di dalam rangkaian sanadnya terdapat Muhammad Ibn Jabir al-Suhaimi yang dikritik sebagai *matruk* (ditinggalkan hadithnya). Rujuk al-Bayhaqi, *Sunan al-Kubra*, 2: 302.

³⁵ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3157. Rujuk *Ibid.*, 2:302.

³⁶ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3159. Dihukum da'if oleh al-Bayhaqi disebabkan di dalam rangkaian perawinya terdapat Abu Layla al-Kufi merupakan perawi *matruk* (ditinggalkan hadithnya). *Ibid.*, 2: 303.

8. ثَنَا غَالِبُ بْنُ فَرْقَدِ الطَّحَّانُ قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ شَهْرَيْنِ، فَلَمْ يَقْنُتْ فِي صَلَاةِ الْغَدَاةِ
Terjemahan: Diceritakan kepada kami oleh Ghalib Ibn Farqad al-Tahhan berkata: “Kami pernah bersama-sama Anas Ibn Malik selama dua bulan, namun dia tidak pernah mengerjakan Qunut dalam solat subuh.” [Hadith riwayat al-Tabrani]³⁸
9. عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: لَمْ يَقْنُتْ رَسُولُ اللَّهِ إِلَّا شَهْرًا، لَمْ يَقْنُتْ قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ
Terjemahan: Daripada Ibn Mas‘ud berkata: “Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakan Qunut (subuh) kecuali selama sebulan. (Baginda SAW) tidak pernah melakukan Qunut sebelumnya dan (tidak lagi) setelahnya.” [Hadith riwayat al-Tabrani]³⁹

Fiqh al-Hadith Berkenaan Qunut

[Pertama]: Qunut Witir

Para ulama terbahagi kepada dua pandangan dalam hal ini:

[Pertama]: Qunut witir merupakan sunnah dan dilakukan sebelum ruku‘ pada rakaat terakhir solat witir. Ia boleh dilakukan dalam solat witir secara berterusan sebagaimana kebanyakan sunnah.⁴⁰ Ini merupakan pandangan Ibn Mas‘ud, Ibrahim al-Nakha‘i, Sufyan al-Thawri, Ibn al-Mubarak, Ishak dan *ashab al-Ra’y*.

[Kedua]: Tiada Qunut dalam solat witir kecuali dalam separuh terakhir (hari ke 15-30) Ramadan dan dilakukan selepas ruku‘ pada rakaat terakhir solat witir selepas solat tarawih. Hal ini sebagaimana perlakuan Ubay Ibn Ka‘ab, Ibn ‘Umar dan Mu‘adh al-Qari’. Ini merupakan pandangan al-Zuhri, Malik (Ibn Anas), al-Shafi‘e dan Ahmad (Ibn Hanbal).

Doa Qunut yang sah dan masyhur dalam solat witir ialah sebagaimana riwayat Abu al-Hawra’ (Rabi‘ah Ibn Shaiban):

³⁷ Hadith riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, Dar al-Risalah al-‘Alamiyah, no. Hadith. 1242; al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama‘ Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3160; al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi‘ahu, no. Hadith. 1688. Dihukum da‘if. Al-Daruqutni dan Shu‘aib al-Arnaut mengatakan bahawa Muhammad Ibn Ya‘la, ‘Anbasah dan ‘Abd Allah Ibn Nafi‘ merupakan perawi dalam kalangan *du‘afa’*. Manakala Nafi‘ tidak mendengar daripada Ummu Salamah. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2: 296; al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 303; dan al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 367-368.

³⁸ Hadith riwayat al-Tabarani, al-Mu‘jam al-Kabir, Bab al-Alif, Bab Min Ismuhu Anas, Anas Ibn Malik al-Ansari, Sifat Anas wa Hai’atihi, no. Hadith. 693. Dalam rangkaian perawinya terdapat Ghalib Ibn Farqad al-Tahhan. Al-Haythami menyatakan tidak didapati biografi perawi terbabit. Abu al-Qasim Sulayman Ibn Ahmad al-Tabarani, *al-Mu‘jam al-Kabir*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, 1983, 1: 245 dan ‘Ali Ibn Abu Bakr al-Haythami, *Majma’ al-Zawa’id*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1988, 2: 147.

³⁹ Hadith riwayat al-Tabarani, al-Mu‘jam al-Kabir, Bab al-Za, Turuq Hadith ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud Laylah al-Jinn Ma’a Rasulullah, Bab Man Ruwiya ‘An ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud, no. Hadith. 9973. Ibn Hajar mengatakan bahawa sanad hadith tersebut adalah da‘if. Rujuk al-Tabarani, *al-Mu‘jam al-Kabir*, 10: 69 dan Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar, *al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1999, 1: 194.

⁴⁰ Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqahiha*, Mesir: Dar al-Salam, 1994, 2: 745.

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي
شَرَّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مِنَ الْوَالِيَّتِ، وَلَا يَعِزُّ مِنْ عَادِيَّتِ، تَبَارَكَ رَبَّنَا
وَتَعَالَيْتَ

Terjemahan:

“Ya Allah, berikanlah aku petunjuk seperti orang-orang yang telah Engkau beri petunjuk, berikanlah aku kesihatan seperti orang-orang yang telah Engkau beri kesihatan, lindungilah aku seperti orang-orang yang telah Engkau lindungi, berkatilah aku seperti orang-orang yang telah Engkau berkati, jauhilah aku daripada kejahatan yang telah Engkau tentukan. Engkaulah yang dapat menafikan sesuatu dan tiada yang berkuasa selain Engkau. Sesungguhnya tidak hina orang yang mendapat perlindungan-Mu dan tiada yang mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Barakah Engkau tuhan kami dan Maha Mulia.”⁴¹

Malah Abu ‘Isa al-Tirmidhi turut mengatakan doa riwayat Abu al-Hawra’ tersebut adalah yang paling baik untuk dibaca dalam Qunut witr. Menurut al-Baghawi, jika solat witr dilakukan secara berjemaah, imam tidak boleh mengkhususkan doa untuk diri sendiri dan perlu membaca dengan *wazan* jama’ (اللهم اهْدنا وعافنا وتولنا وبارك لنا وقتنا).⁴²

Berhubung mengkhususkan Qunut witr pada 15 hari terakhir dalam bulan Ramadan, hadith riwayat Ubay Ibn Ka‘ab dan Anas Ibn Malik yang menyokong perbuatan tersebut adalah da‘if menurut al-Albani dan al-Bayhaqi.⁴³ Namun begitu, al-Shafi‘e mensyariatkan Qunut witr khusus dalam bulan Ramadan.⁴⁴ Hal ini berdasarkan riwayat Ubay Ibn Ka‘ab secara *mawquf* di mana pada zaman ‘Umar Ibn al-Khattab, mereka mengerjakan Qunut witr selepas pertengahan Ramadan. Selain itu, terdapat satu lagi riwayat yang sahih daripada Nafi‘ bahawa Ibn ‘Umar tidak mengerjakan Qunut witr kecuali pada separuh terakhir Ramadan.⁴⁵

Nafi‘ menukulkan daripada Malik (Ibn Anas), Qunut witr merupakan perkara yang diberikan had keluasan dalam beragama. Sesiapa yang berkehendak, boleh melakukannya. Sesiapa yang enggan, boleh meninggalkannya.⁴⁶

[Kedua]: Qunut Nazilah

Qunut nazilah disyariatkan apabila terjadi bahaya terhadap umat Islam dan hendaklah ditinggalkan apabila bencana telah berakhir, zahir kesannya, tamat penderitaan, sesuatu kaum memeluk Islam atau menyesal atas perbuatan (taubat). Al-Nawawi menyatakan bahawa Qunut nazilah dilakukan apabila terjadi *nawazil* berupa bahaya, ketakutan, wabak,

⁴¹ Hadith riwayat Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith. 1425 dan al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Witr, Bab Ma Ja’a fi al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith 464. Dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, 245 dan al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 123-124.

⁴² Al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 128-129.

⁴³ Hadith riwayat Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith. 1428; al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Bab Man La fi al-Witr illa fi al-Nisf al-Akhir Min Ramadan, no. Hadith. 4637. Dihukum da‘if oleh al-Albani. Dalam rangkaian sanadnya terdapat Abu Atikah Tarif Ibn Sulayman yang digelar sebagai *munkar al-Hadith* oleh al-Bukhari sebagaimana dinyatakan daripada Ibn Hammad. Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, 247 dan al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 703,

⁴⁴ Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqahiha*, Mesir: Dar al-Salam, 1994, 2: 744.

⁴⁵ Zakariya Ibn Ghulam Qair al-Bakistani, *Ma Sah Min Athar al-Sahabah fi al-Fiqh*, Jeddah: Dar al-Kharraz, 2000, 1: 408.

⁴⁶ Al-Husayn Ibn Mas‘ud al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1983, 3: 126-127.

malapetaka, kezaliman, penindasan, penganiayaan atau yang semisal dengannya kepada kaum Muslimin. Ia boleh dilaksanakan dalam mana-mana solat fardhu secara *jahar* (lantang).⁴⁷

Hal ini bersandarkan kepada riwayat mengenai perlakuan Nabi SAW dalam satu peristiwa. Rasulullah SAW pernah mengirinkan 70 orang sahabat (*Qurra'*) untuk mengajarkan al-Quran atas permintaan kabilah Ri'l, Dhakwan dan 'Usayyah daripada Bani Sulaym. Setelah sampai di suatu tempat bernama *Bi'r al-Mau'nah*, mereka telah mengkhianati perjanjian dan membunuh semua utusan *Qurra'* tersebut. Mendengarkan berita tersebut, Rasulullah SAW mengerjakan Qunut nazilah bertujuan melaknat mereka.⁴⁸ Selain itu, Nabi SAW juga pernah mengerjakan Qunut nazilah khusus untuk mendoakan al-Walid Ibn al-Walid, Salamah Ibn Hisham, 'Ayyash Ibn Abi Rabi'ah dan (seluruh kaum Muslimin) yang lemah (ditindas) di kota Mekah.⁴⁹

Al-Shafi'e menyatakan bahawa Qunut nazilah boleh dilakukan dalam semua solat fardhu apabila terjadi *nawazil*.⁵⁰ Jika tiada, tidak perlu dilakukan.⁵¹ Rasulullah SAW mengerjakan Qunut nazilah selama sebulan, kemudian meninggalkannya.⁵² Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW mengerjakan Qunut secara berterusan selama sebulan dalam solat zuhur, asar, maghrib, isha' dan subuh dalam setiap rakaat akhir solat selepas i'tidal. Baginda SAW mendoakan (laknat) kepada kabilah daripada Bani Sulaym, Ri'l, Dhakwan dan 'Usayyah.⁵³ Dalam riwayat lain daripada al-Barra' Ibn 'Azib, Rasulullah SAW turut mengerjakan Qunut (*nazilah*) dalam solat subuh dan maghrib.⁵⁴ 'Ali Ibn Abi Talib juga pernah mengerjakan Qunut nazilah bertujuan memohon kemenangan umat Islam daripada ancaman musuh.⁵⁵

[Ketiga]: Qunut Subuh

Para ulama terbahagi kepada dua pandangan dalam hal ini:

[Pertama]: Menurut Abu Hanifah, Ahmad Ibn Hanbal, Ibn Mas'ud, Ibn 'Umar, Abu Malik Sa'ad Ibn Tariq al-Ashja'i, Sufyan al-Thawri dan Ibn al-Mubarak, tidak wujud Qunut dalam solat subuh.⁵⁶ Menurut Ahmad Ibn Hanbal, Qunut hanya dilakukan apabila terdapat

⁴⁷ Abu Zakariya Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, *al-Majmu'*, Jeddah: Maktabah al-Irshad, 2002, 3: 485.

⁴⁸ Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih, Kitab al-Witr, Bab al-Ruku' Qabl al-Ruku' wa Ba'dah, no. Hadith. 1002. Rujuk al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, 1: 316.

⁴⁹ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1244. Dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 221.

⁵⁰ Al-Husayn Ibn Mas'ud al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1983, 3: 123.

⁵¹ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 474.

⁵² Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Solah, Bab Istihbab al-Qunut fi Jami' al-Solah Idha Nazalat bi al-Muslimin Nazilah, no. Hadith. 1554. Rujuk Muslim, Sahih Muslim dalam *Mawsu'at al-Hadith*, 1: 783.

⁵³ Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Bani Hashim, Hadith 'Abd Allah Ibn al-'Abbas Ibn 'Abd al-Mutalib, no. Hadith. 2746. Rujuk Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, 4: 475.

⁵⁴ Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Solah, Bab Istihbab al-Qunut fi Jami' al-Solah Idha Nazalat bi al-Muslimin Nazilah, no. Hadith. 1555. Rujuk Muslim, Sahih Muslim dalam *Mawsu'at al-Hadith*, 1: 783-784.

⁵⁵ al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 125; Ibn Abi Shaibah, *al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah*, no. Hadith. 7048, Abu Bakr bin Abi Shaibah, 'Abd Allah bin Muhammad bin Ibrahim, Musnad Ibn Abi Shaibah, ed. 'Adil bin Yusuf al-'Azazi dan Ahmad bin Farid al-Mazidi, Riyad: Dar al-Watan, 1997, 3: 261.

⁵⁶ Al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 123.

bahaya yang menimpa umat Islam. Ishaq pula mengkhususkan Qunut apabila berlaku *nazilah* sahaja.⁵⁷

[*Kedua*]: Membaca Qunut adalah sunat baik pada ketika turunnya bala (bersebab) atau tidak. Ini merupakan pandangan kebanyakan ulama *salaf al-Soleh*.⁵⁸ Bahkan para sahabat seperti Abu Bakar al-Siddiq, ‘Umar Ibn al-Khattab, ‘Uthman Ibn ‘Affan, ‘Ali Ibn Abi Talib, Ibn ‘Abbas, Ubay Ibn Ka‘ab, Anas Ibn Malik, Abu Hurayrah, Mu‘adh Ibn al-Harith al-Ansari, Mu‘awiyah Ibn Abu Sufyan, ‘A’ishah dan al-Barra’ Ibn ‘Azib turut berpandangan sama sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dengan sanad yang sahih.⁵⁹ Para tabi‘in seperti Malik, Shafi’e,⁶⁰ Ibn Abi Layla, al-Hasan Ibn Soleh, Sa‘id Ibn Musayyib, al-Hasan Ibn al-Hasan, Muhammad Ibn Sirin, Qatadah dan ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz dan selainnya turut berpendirian sama.⁶¹

Bagi pihak yang menafikan kewujudan Qunut subuh kecuali ketika *nazilah*, hadith Anas Ibn Malik: “(يقنت في الفجر حتى فارق الدنيا)”⁶² bukan bermaksud Qunut subuh secara literal sebagaimana difahami oleh golongan yang menyokong Qunut subuh. Ia sebenarnya membawa makna Qunut dalam erti kata “*lama tempoh berdiri.*” Bahkan solat subuh merupakan solat yang paling lama dilakukan *Qiyam* oleh Nabi SAW. Tambahan, kata Qunut juga boleh diintegrasikan dengan pelbagai makna, antaranya *Qiyam*, tunduk taat, diam, berdoa dan sebagainya.

Hadith tersebut tidak lain bertujuan menunjukkan sifat solat Nabi Muhammad SAW yang memanjangkan berdiri selepas bangun daripada ruku‘ dalam solat subuh sehingga dikatakan baginda SAW telah terlupa.⁶³ Nabi SAW akan berdoa, memuji dan mengagungkan Allah SWT ketika i’tidal. Berikut yang dimaksudkan oleh Anas Ibn Malik. Jawapan beliau berdasarkan konteks soalan si penyoal berkenaan sifat solat Nabi SAW dalam solat subuh.

Lafaz Qunut dari sisi sahabat adalah berbeza dengan istilah Qunut yang difahami kebanyakan fuqaha’ dan umat Islam dengan bacaan Qunut terkenal “*Allahummahdini*”. Bahkan jumhur ulama bersepakat bahawa Nabi SAW, *Khulafa’ al-Rashidin* dan para sahabat sentiasa melazimi dan tidak pernah meninggalkan “*Qunut*” subuh sehingga wafat.⁶⁴

Berhubung riwayat Nabi SAW melakukan Qunut selama sebulan, kemudian meninggalkannya sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim, Ibn Majah dan al-Bayhaqi.⁶⁵

⁵⁷ Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh Muhdhab*, Oman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2009, 1: 768.

⁵⁸ al-Nawawi, *al-Majmu‘*, 3: 485.

⁵⁹ al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh Muhdhab*, 1: 768.

⁶⁰ al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 123.

⁶¹ Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami‘ al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-Fikr lil Tabah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2014, 2: 432.

⁶² Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Mukathirin Min al-Sahabah, Musnad Anas Ibn Malik, no. Hadith. 12657; al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi‘ahu, no. Hadith. 1692 dan al-San‘ani, al-Musannaf li ‘Abd al-Razzaq, Kitab al-Solah, Bab al-Qunut, no. Hadith. 4964. Rujuk Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad bin Ahmad*, 20: 95; al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 370 dan al-San‘ani, *al-Musannaf li ‘Abd al-Razzaq*, 3: 110.

⁶³ Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jami‘ al-Sahih, Kitab al-Solah, Bab al-Tama’ninah Hin Yarfa‘ Ra’sahu Min al-Ruku‘, no. Hadith. 767. Al-Bukhari, *al-Jami‘ al-Sahih*, 1: 276.

⁶⁴ Muhammad Ibn Abu Bakr Ibn Qayyim, *Zad al-Ma‘ad fi Hadi Khayr al-‘Ibad*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987, 1: 272-283; Muhammad Ibn ‘Ali al-Shaukani, *Nayl al-Awtar*, Beirut: Dar al-Jil, 2011, 2: 396-397.

⁶⁵ Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi‘ al-Solah, Bab Istihbab al-Qunut fi Jami‘ al-Solah Idha Nazalat bi al-Muslimin Nazilah, no. Hadith. 1554; Ibn Majah, Sunan Ibn Majah,

Timbul persoalan, apakah maksud *لَمْ تَرَكَ* “kemudian Nabi SAW meninggalkannya?” Adakah bermaksud meninggalkan Qunut atau pun doa laknat ke atas kabilah Arab?

Bagi golongan yang menolak, Qunut yang ditinggalkan adalah Qunut nazilah setelah tamat *nawazil*. Namun begitu,⁶⁶ al-Nawawi menukulkan pendapat al-Shafi'e yang menyatakan terdapat dua jawapan terhadap penghujung hadith tersebut. [Pertama]: meninggalkan Qunut dalam solat selain solat subuh.⁶⁷ [Kedua]: meninggalkan doa laknat ke atas kabilah Arab tersebut sahaja. Dalam erti kata lain, ia tidak bermaksud meninggalkan Qunut subuh.⁶⁸

Daripada kedua jawapan tersebut, sahih bahawa Nabi SAW hanya meninggalkan doa laknat ke atas kabilah Arab. Ia tidak bermaksud meninggalkan Qunut subuh atau keseluruhan Qunut. Al-Bayhaqi meriwayatkan daripada 'Abd al-Rahman Ibn Mahdi: (إِنَّمَا تَرَكَ اللَّعْنَ): “Apa yang ditinggalkan oleh Nabi SAW adalah (perbuatan) melaknat.”⁶⁹ Tambahan, pentafsiran sama turut dijelaskan oleh riwayat Abu Hurayrah: “Kemudian Nabi menghentikan doa kecelakaan ke atas mereka.”⁷⁰

Di samping itu, pentafsiran tersebut juga disokong dalam satu riwayat yang jelas dan sahih menurut al-Nawawi daripada Anas Ibn Malik: “Nabi SAW sentiasa mengerjakan Qunut subuh sehingga wafat.”⁷¹ Justeru, mesti digabungkan antara kedua-dua hadith tersebut (perihal meninggalkan dan mengamalkan Qunut).⁷²

Mengenai riwayat Abu Malik Saad Ibn Tariq al-Ashja'i: aku bertanya kepada ayahku (Tariq Ibn al-Ashim al-Ashja'i): “Wahai ayah, wahai ayah, sesungguhnya engkau telah solat di belakang Rasulullah SAW, Abu Bakar, Uthman dan 'Ali di sini dan di Kufah selama lima tahun. Adakah mereka melakukan Qunut subuh?” Ayah menjawab: “Wahai anakku, demikian adalah diada-adakan.”⁷³

Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1243; al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3155. Rujuk Muslim, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu'at al-Hadith*, 1: 783; Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 221 dan al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 302.

⁶⁶ al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 485; Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Beirut: al-Dar al-Thaqafah al-'Arabiah, 1929, 5: 178.

⁶⁷ al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 123.

⁶⁸ al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi*, 2: 433.

⁶⁹ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3155. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 302.

⁷⁰ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Tarak al-Qunut fi Sa'ir al-Solawat Ghayr al-Subh 'Ind Irtifa' al-Nazilah wa fi Solah al-Subh li Qaum aw 'ala Qaum bi Asmaihim wa Qaba'ilihim, no. Hadith. 3101. *Ibid.*, 2: 286.

⁷¹ Hadith riwayat Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Mukathirin Min al-Sahabah, Musnad Anas Ibn Malik, Muassasah al-Risalah, no. Hadith. 12657; al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi'ahu, no. Hadith. 1692; dan al-San'ani, al-Musannaf li 'Abd al-Razzaq, Kitab al-Solah, Bab al-Qunut, no. Hadith. 4964. Rujuk Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 20: 95; al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 370; dan al-San'ani, *al-Musannaf li 'Abd al-Razzaq*, 3: 110.

⁷² al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 768.

⁷³ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, Dar al-Risalah al-'Alamiyah, no. Hadith. 1241; al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sahw, Bab Ma Ja'a fi Tarak al-Qunut, no. Hadith. 402; Ahmad, Musnad Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Makkiyin, Hadith Tariq Ibn Ashim al-Ashja'i Abu Malik RA, no. Hadith. 15879 dan Min Musnad al-Qaba'il, Min Hadith Tariq Ibn Ashim, no. Hadith. 27209; al-Nasa'i, Kitab al-Tatbiq, Bab Tarak al-Qunut, no. Hadith. 1069 dan Ibn Hibban, Kitab al-Solah, Fasl fi al-Qunut, Bab Dhikr Nafi al-Qunut 'Anhu SAW fi al-Solawat, no. Hadith. 1989. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2: 296; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 109, Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, Muassasah al-Risalah, 25: 214

Al-Nawawi menyebutkan riwayat orang yang menetapkan Qunut terdapat nilai *ziyadah al-‘Ilm* dan orang yang melaporkan Qunut jauh lebih banyak daripada orang yang melaporkan tiada Qunut. Oleh itu, wajib mendahulukan nas yang bersifat penetapan. Hadith Sa‘ad Ibn Tariq berikut yang bersifat penafian tidak didahulukan berbanding nas yang menetapkan sesuatu. Kaedah usul fiqh menyatakan: “*al-Muthbit muqaddam ‘ala al-Nafi*”: *Perkara yang menetapkan sesuatu (penetapan) lebih didahulukan daripada perkara yang menafikan (penafian).*⁷⁴

Perbincangan:

Berhubung Qunut witr dan nazilah, didapati tiada masalah khilaf yang jelas dalam kedua-dua perkara. Kedua-dua pembahagian adalah jelas dan disepakati sebagai sunnah dalam kalangan sarjana Islam. Oleh itu, tumpuan difokuskan kepada Qunut subuh.

Berdasarkan penelitian sarjana Islam terhadap nas-nas yang terkumpul dalam bab Qunut subuh, terdapat satu hadith utama yang menjadi titik tolak kepada perbincangan mengenai keabsahan dan autoriti pelaksanaan Qunut subuh secara berterusan. Status dan *maqasid* hadith tersebut adalah diperselisih dalam kalangan ulama.

Hasil penelitian, terdapat enam hadith riwayat Ahmad,⁷⁵ al-Daruqutni,⁷⁶ al-Bayhaqi⁷⁷ dan ‘Abd al-Razzaq al-San‘ani⁷⁸ yang meriwayatkan bahawa Anas Ibn Malik berkata: “*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan Qunut dalam solat subuh sehingga wafat.*” Ini sebagaimana riwayat:

مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ يَقْنُتُ فِي الْفَجْرِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan:

“*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan Qunut subuh sehingga wafat.*”

مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْنُتُ فِي صَلَاةِ الْغَدَاةِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan:

“*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan Qunut dalam solat subuh sehingga wafat.*”

وَأَمَّا فِي الصُّبْحِ فَلَمْ يَزَلْ يَقْنُتُ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا

Terjemahan:

“*Adapun (Qunut) semasa solat subuh tidak pernah ditinggalkan sehingga wafat.*”

dan 45: 187; Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali, *Sunan al-Nasa‘i*, Riyad: al-Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 174; dan Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, 5:328.

⁷⁴ Al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh Muhdhab*, 1: 769.

⁷⁵ Hadith riwayat Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Mukathirin Min al-Sahabah, Musnad Anas Ibn Malik, no. Hadith. 12657. Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 20: 95.

⁷⁶ Hadith riwayat al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi‘ahu, no. Hadith. 1692 dan 1693. Rujuk al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 370-371.

⁷⁷ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama‘ Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil ‘ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du‘a li Qaum aw ‘ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba’ilihim, no. Hadith. 3104 dan 3105. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 287.

⁷⁸ Hadith riwayat ‘Abd al-Razzaq al-San‘ani, al-Musannaf li ‘Abd al-Razzaq, Kitab al-Solah, Bab al-Qunut, no. Hadith. 4964. Al-San‘ani, *al-Musannaf li ‘Abd al-Razzaq*, 3: 110.

Sarjana hadith yang berhujah menolak pelaksanaan Qunut subuh secara berterusan mengatakan bahawa ia diambil daripada riwayat yang da'if. Masalah utama hadith tersebut ialah berhubung kredibiliti perawi digelar Abu Ja'afar al-Razi atau 'Isa Ibn Mahan dalam rangkaian sanad. 'Abd Allah Ibn Ahmad (Ibn Hanbal) dan al-Nasa'i menghukum (Abu Ja'afar al-Razi sebagai seorang perawi yang) tidak kuat riwayatnya, keliru ('Ali Ibn al-Madini); meragukan (Abu Zur'ah); *saduq* dan teruk hafalan ('Amru Ibn al-Falas); *thiqah* namun banyak silap (Ibn Ma'in); *thiqah* namun keliru (Al-Dawri); *saduq* dan tidak teliti (Al-Saji); serta beliau bersendirian meriwayatkan hadith munkar daripada perawi yang masyhur (Ibn Hibban). Malah tiada seorang pun ulama *nuqqad* yang boleh memastikan kredibilitinya. Ibn Turkimany dalam *al-Ta'liq* terhadap riwayat tersebut dalam *al-Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi* berkata: “Bagaimana sanad tersebut dihukum sahih sedangkan perawi yang meriwayatkannya daripada al-Rabi' Ibn Anas adalah Abu Ja'afar 'Isa Ibn Mahan al-Razi dikritik kredibilitinya dalam periwayatan (*mutakallamun fihi*).”⁷⁹ Meskipun hadith tersebut mempunyai sokongan, namun turut dinilai lemah oleh kerana terdapat 'Amru Ibn 'Ubayd yang dikritik dan tidak diterima riwayatnya sebagai hujah.⁸⁰

Oleh itu, hadith berikut dihukum da'if oleh Ahmad Ibn Hanbal, al-Daruqutni dan Shu'aib al-Arnaut. Para perawinya tidak *thiqah* menurut al-Nasa'i. Berikutan terdapat pelbagai kritikan terhadap sanadnya, Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan tidak memperakui hadith tersebut sebagai dalil Qunut secara berterusan.⁸¹

Berbeza dengan pandangan golongan pertama, al-Nawawi menyatakan bahawa hadith tersebut adalah sahih. Ia diriwayatkan serta disahihkan oleh para *huffaz* dan ulama seperti Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Ali al-Bilkhī dan al-Bayhaqi.⁸² Al-Hakim pula menghukum sanad hadith tersebut sebagai hasan.⁸³ Mereka turut membawakan riwayat sokongan daripada Ahmad dan al-Bazzar. Al-Haythami menghukum semua perawi dalam hadith tersebut adalah *thiqah*.⁸⁴

Tambahan, terdapat riwayat sahih daripada Anas Ibn Malik: “Nabi SAW tidak melakukan Qunut kecuali untuk mendoakan (kebaikan) untuk suatu kaum atau (laknat) ke atas suatu kaum.”⁸⁵ Oleh itu, Nabi SAW hanya melakukan Qunut apabila terdapat keperluan atau *asbab* dalam pelaksanaan. Selain itu, riwayat yang sahih daripada Abu Malik Sa'ad Ibn Tariq al-Ashja'i juga mendakwa melazimi Qunut subuh merupakan perbuatan yang diada-adakan atau *bid'ah*.⁸⁶

⁷⁹ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab al-Dalil 'ala Annahu lam Yatruk Asl al-Qunut fi al-Solah al-Subh Innama Tarak al-Du'a li Qaum aw 'ala Qaum Akharin bi Asmaihim wa Qaba'ilihim, Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 287.

⁸⁰ Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi*, 2: 433.

⁸¹ 'Abd al-Karim Soleh, Hammud Ibn 'Abd Allah, *Majmu' Fatawa Soleh al-Fawzan*, Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 1999, 1: 274.

⁸² Al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 768.

⁸³ Al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 124.

⁸⁴ عَنْ أَنَسٍ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ فَقَنَّتْ حَتَّى مَاتَ

Terjemahan: Daripada Anas: “Aku bersolat di belakang Rasulullah SAW dan baginda SAW (konsisten) mengerjakan Qunut sehingga wafat.” Rujuk Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqahiha*, Mesir: Dar al-Salam, 1994, 743-744.

⁸⁵ Hadith riwayat Ibn Khuzaymah, Sahih Ibn Khuzaymah, Kitab al-Solah, Bab Dhikr al-Bayan An al-Nabi SAW lam yakun Yaqnut Dahrahu Kullah wa Innahu Innama kana Yaqnut idha Da'a li Ahad aw Yad'u ila Ahad, no. Hadith 620. Rujuk Abu Bakr Muhammad Ibn Ishak Ibn Khuzaymah Ibn al-Mughirah Ibn Soleh Ibn Bakr al-Salmi al-Naysaburi, Sahih Ibn Khuzaymah, Beirut: Maktab al-Islami, 2011, 1: 338.

⁸⁶ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1241; al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sahw, Bab Ma Ja'a fi Tarak al-Qunut, no. Hadith. 402; Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Makkiyin, Hadith Tariq Ibn Ashim al-Ashja'i Abu Malik RA, no. Hadith. 15879; Min Musnad al-Qaba'il, Min Hadith

Ghalib Ibn Farqad al-Tahhan pernah meriwayatkan bahawa Anas Ibn Malik tidak pernah mengerjakan Qunut subuh selama menemaninya selama dua bulan.⁸⁷ Dalam satu hadith daripada Ibn Abi Shaibah, diriwayatkan bahawa Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Uthman tidak pernah mengerjakan Qunut subuh.⁸⁸ Begitu juga dengan para sahabat seperti Ibn Mas‘ud, ‘Ubaydillah Ibn al-Zubayr, Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbas.⁸⁹

Selanjutnya, dalam riwayat daripada Ibn Mas‘ud: “*Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakan Qunut (subuh) kecuali selama sebulan. (Baginda SAW) tidak pernah melakukan Qunut sebelumnya dan (tidak lagi) setelahnya.*”⁹⁰ Mengenai perlakuan ‘Umar Ibn al-Khattab yang mengerjakan Qunut subuh dengan dihadiri para sahabat dan selainnya, diperkirakan Qunut tersebut dilakukan ketika *nawazil*.⁹¹

Jika benar Rasulullah SAW melakukan Qunut subuh dan ia merupakan sunnah, nescaya akan dinukilkan bacaannya oleh para sahabat secara *jahar* (lantang dan jelas) sebagaimana riwayat tentang bacaan Rasulullah SAW dalam solat fardhu. Jikalau pun benar baginda SAW melakukan Qunut subuh, ia adalah Qunut nazilah.⁹²

Bagi golongan yang menyokong Qunut subuh, riwayat daripada Ibn Mas‘ud: “*Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakan Qunut dalam mana-mana solatnya*”⁹³, hadith tersebut adalah terlalu da‘if. Dalam rangkaian perawinya terdapat Muhammad Ibn Jabir al-Sakhmi yang dihukum sebagai *shadid al-Da‘f matruk al-Hadith* (sangat lemah dan ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith).⁹⁴ Al-Dhahabi juga mengatakan bahawa beliau adalah seorang yang da‘if. Al-Bukhari mengatakan: “*Ingatannya tidak kuat.*” Abu Hatim juga mengatakan: “*Dalam waktu akhir hayatnya, dia agak pelupa dan kitabnya (didapati) telah hilang.*”

Di samping itu, riwayat daripada Ibn ‘Umar yang lupa atau menidakkan kewujudan Qunut⁹⁵ juga tertolak dengan riwayat al-Barra’ Ibn ‘Azib⁹⁶ dan Anas Ibn Malik⁹⁷ yang menyatakan Rasulullah SAW pernah mengerjakan Qunut subuh. Manakala dalam riwayat

Tariq Ibn Ashim, no. Hadith. 27209; Al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i, Kitab al-Tatbiq, Bab Tarak al-Qunut, no. Hadith. 1069; Ibn Hibban, Sahih Ibn Hibban Kitab al-Solah, Fasl fi al-Qunut, Bab Dhikr Nafi al-Qunut ‘Anhu SAW fi al-Solawat, no. Hadith. 1989. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2: 296; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 109; Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, 25: 214 dan 45: 187; Al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i*, 174; dan Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, 5: 328.

⁸⁷ Hadith riwayat al-Tabarani, al-Mu‘jam al-Kabir, Bab al-Alif, Bab Min Ismuhu Anas, Anas Ibn Malik al-Ansari, Sifat Anas wa Hai’atihi, no. Hadith. 693. Rujuk al-Tabarani, *al-Mu‘jam al-Kabir*, 1: 245,

⁸⁸ Ibn Abi Shaibah, al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah, Kitab al-Solah, Bab Man Kana la Yaqnut fi al-Fajr, no. Hadith. 7027; 7028; 7029; 7030; 7031. Rujuk Ibn Abi Shaibah, *al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah*, 3: 258.

⁸⁹ Ibn Abi Shaibah, al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah, Kitab al-Solah, Bab Man Kana la Yaqnut fi al-Fajr, no. Hadith. 7032; 7034; 7036. Rujuk *Ibid.*, 3: 258-259,

⁹⁰ Hadith riwayat al-Tabarani, al-Mu‘jam al-Kabir, Bab al-Za, Turuq Hadith ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud Laylah al-Jinn Ma’a Rasulullah, Bab Man Ruwiya ‘An ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud, no. Hadith. 9973. Rujuk al-Tabarani, *al-Mu‘jam al-Kabir*, 10: 69.

⁹¹ Mansur Ibn Yunus al-Bahuti, *Kishaf al-Qina’ ‘An Matan al-Iqna’*, Beirut: Dar al-Fikr, 1982, 1: 421.

⁹² Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahid Ibn al-Hamam, *Fath al-Qadir*, Beirut: Dar al-Fikr, 2001, 1: 432-435.

⁹³ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3154. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 302,

⁹⁴ Al-Nawawi, *al-Majmu’ Sharh Muhdhab*, 1: 769.

⁹⁵ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama’ Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3157. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 302.

⁹⁶ Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad al-Kufiyyin, Hadith al-Barra’ Ibn ‘Azib, Muassasah al-Risalah, no. Hadith. 18661. Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 30: 609.

⁹⁷ Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih, Kitab al-Witr, Bab al-Ruku’ Qabl al-Ruku’ wa Ba’dah, no. Hadith. 1001. Rujuk al-Bukhari, *al-Jami’ al-Sahih*, 1: 315-316.

Ibn ‘Abbas dinyatakan: “*Sesungguhnya (mengerjakan doa) Qunut subuh adalah (amalan) bid‘ah.*”⁹⁸

Hadith tersebut berstatus *shadid al-Da‘if* oleh kerana al-Bayhaqi meriwayatkannya daripada Abu Layla al-Kufi. Al-Bayhaqi sendiri mengatakan bahawa hadith tersebut adalah tidak sahih. Abu Layla merupakan perawi *matruk* (ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith).⁹⁹ Tambah kontradiks, Ibn ‘Abbas menyatakan dalam hadith yang lain: “*Nabi SAW melakukan Qunut dalam solat subuh.*”¹⁰⁰

Terdapat satu lagi riwayat daripada Ummu Salamah: “*Rasulullah SAW melarang Qunut dalam solat fajar.*”¹⁰¹ Hadith tersebut juga berstatus terlalu da‘if oleh kerana diriwayatkan oleh Muhammad Ibn Ya‘la daripada ‘Anbasah Ibn ‘Abd al-Rahman daripada ‘Abd Allah Ibn Nafi‘ daripada bapanya sehingga Ummu Salamah. Al-Daruqutni mengatakan bahawa ketiga-tiga perawi tersebut semuanya da‘if. Muhammad Ibn Ya‘la dikritik oleh al-Bukhari sebagai banyak menghilangkan hadith dan Abu Hatim menggelarkannya sebagai *matruk*. ‘Anbasah Ibn ‘Abd al-Rahman pula menurut al-Bukhari adalah ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith (*matruk al-Hadith*). Manakala ‘Abd Allah Ibn Nafi‘ merupakan perawi yang banyak meriwayatkan hadith munkar. Nafi‘ juga tidak dapat dibuktikan bahawa beliau mendengar hadith tersebut daripada Ummu Salamah.¹⁰²

Isu Berkait Perlaksanaan Qunut

[*Pertama*]: Kedudukan Qunut

Mengenai kedudukan Qunut, mazhab Hanafi dan Maliki memilih sebelum ruku‘. Hal ini diriwayatkan daripada ‘Umar, ‘Ali, Ubay Ibn Ka‘ab, Ibn Mas‘ud, Ibn ‘Abbas, Abu Musa al-Ash‘ari, al-Barra’ Ibn ‘Azib, Anas Ibn Malik, ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz, ‘Ubaydah al-Salman, Humayd al-Tuwayl, Ibn Sirin, al-Rabi‘ Ibn Hathim, Abu ‘Abd al-Rahman al-Salmi, Ishaq dan ‘Abd al-Rahman Ibn Abu Layla.¹⁰³

Manakala mazhab Shafi‘e, Hanbali dan Zahiri mengatakan Qunut dilakukan selepas ruku‘. Ini merupakan pandangan Abu Bakr al-Siddiq, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali yang diriwayatkan daripada Abu Qilabah, Abu al-Mutawakil, Ayub al-Sakhtiani dan Sa‘id Ibn Jabir. Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Mundhir, al-Nawawi, Ibn Habib dan Ibn

⁹⁸ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama‘ Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3159. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 303.

⁹⁹ al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh Muhdhab*, 1: 769.

¹⁰⁰ Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Bani Hashim, Hadith ‘Abd Allah Ibn al-‘Abbas Ibn ‘Abd al-Mutalib, no. Hadith. 2746. Rujuk Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 4: 475 dan Zakariya Ibn Ghulam Qair al-Bakistani, *Ma Sah Min Athar al-Sahabah fi al-Fiqh*, Jeddah: Dar al-Kharraz, 2000, 1: 413.

¹⁰¹ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1242; al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama‘ Abwab Kitab al-Solah, Bab Man Lam Yara al-Qunut fi Solah al-Subh, no. Hadith. 3160; al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Kitab al-Witr, Bab Sifat al-Qunut wa Bayan Mawdi‘ahu, no. Hadith. 1688. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2: 296; al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, 2: 303 dan al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, 2: 367-368.

¹⁰² Al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh Muhdhab*, 1: 769.

¹⁰³ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’a fi al-Qunut fi al-Ruku‘ wa Ba‘dah, no. Hadith. 1182. Dihukum sahih oleh al-Albani; Ibn Abi Shaibah, al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah, Kitab al-Solah, Bab al-Qunut Qabl al-Ruku‘ aw Ba‘dah, no. Hadith. 6978. Dihukum sebagai memiliki sanad yang baik mengikut syarat Muslim oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 210-211; Ibn Abi Shaibah, *al-Musannaf li Ibn Abi Shaibah*, 3: 249 dan al-Albani, *Irwa’ al-Ghalil*, 2: 166

Qudamah. Bagi mentarjihkan antara kedua pandangan ini, Malik Ibn Anas menyatakan bahawa Qunut boleh dilakukan sebelum atau selepas ruku' secara pilihan.¹⁰⁴ Hal ini kerana wujud hadith yang sahih sebagai sokongan menjadi asas keluasan dalam beramal terhadap kedua pandangan tersebut.¹⁰⁵

Namun begitu, Qunut disyariatkan dilakukan selepas ruku' dalam mazhab Shafi'e.¹⁰⁶ Jika seseorang melakukan Qunut sebelum ruku', pandangan paling sahih dalam mazhab Shafi'e ialah tidak diperbolehkan dan mesti melakukan sujud sahwi kerana telah melakukan sesuatu bukan pada cara dan tempatnya. Hal ini kerana Qunut merupakan sebahagian daripada amalan yang dituntut dan digariskan dalam solat. Oleh itu, jika tidak mengikut aturan, mesti melakukan sujud sahwi. Meski begitu, solat tersebut tidak batal. Hukum sama turut terpakai bagi orang yang memanjangkan berdiri bertujuan sebagai Qunut.¹⁰⁷

[Kedua]: Lafaz Qunut

Menurut pandangan yang masyhur dalam mazhab Shafi'e, Hanafi, Hanbali dan Maliki, lafaz doa Qunut adalah tidak tetap (secara khusus).¹⁰⁸ Hal ini berdasarkan terdapat kepelbagaian riwayat daripada para sahabat mengenai lafaz Qunut. Signifikannya, doa merupakan sesuatu yang lahir daripada lisan hasil penghadiran hati dan sepenuh pengharapan kepada Allah SWT. Bahkan bacaan dalam solat juga tidak bersifat tetap, begitu juga halnya dengan Qunut. Muhammad Ibn al-Hasan berkata: “Menetapkan bacaan Qunut menghilangkan rasa kerendahan hati.”¹⁰⁹

Oleh itu, membaca Qunut dengan doa yang lain adalah diharuskan. Namun bagi imam yang jahil dan dikhuatiri membaca doa yang menyerupai perkataan manusia yang boleh merosakkan solat, maka perlu membaca doa yang ditetapkan.

Ulama mazhab Hanafi menyatakan bahawa doa paling utama untuk dibaca dalam Qunut menurut *ittifaq* para sahabat ialah doa riwayat Ubay Ibn Ka'ab, (اللهم إنا نستعينك) (ونسئفرك¹¹⁰), kemudian dikuti doa (اللهم اهدنا فيمن هديت). Selain itu, doa riwayat 'Umar Ibn al-Khattab juga boleh dibaca.¹¹¹

¹⁰⁴ Malik Ibn Anas, *al-Madunah al-Kubra*, Beirut: Dar al-Sadar, 1999, 1: 102.

¹⁰⁵ Rujukan hadith riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi al-Ruku' wa Ba'dah, no. Hadith. 1183d an 1184. Dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 210-211 dan Al-Bakistani, *Ma Sah Min Athar al-Sahabah fi al-Fiqh*, 1: 310.

¹⁰⁶ Rujuk hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi al-Ruku' wa Ba'dah, no. Hadith. 1182, 1183 dan 1184. Dihukum sahih oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 210-211.

¹⁰⁷ al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 764.

¹⁰⁸ Al-Nawawi, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim Ibn Hajjaj*, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyah bi al-Azhar, 1929, 5: 176.

¹⁰⁹ 'Ala' al-Din Ibn Mas'ud al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'iq*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1986, 1: 273.

¹¹⁰ Muhammad Na'im Muhammad Hani Sa'i, *Mawsu'ah Masa'il al-Jumhur fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Dar al-Salam, 2007, 1: 173.

¹¹¹ Doa berikut adalah: (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَأَنْصِرْهُمْ عَلَيَّ، وَعَدُوَّهُمْ، اللَّهُمَّ الْعَن كُفْرَةَ أَهْلِ الْكِتَابِ الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِكَ وَيَكْذِبُونَ رِسْلَكَ، وَيَقَاتِلُونَ أَوْلِيَاءَكَ، اللَّهُمَّ خَالَفَ بَيْنَ كَلِمَتِهِمْ، وَزَلَزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَأَنْزِلْ بِهِمْ بِأَسْكَ الَّذِي لَا تَرُدُّهُ عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ وَنَسْتَغْفِرُكَ، وَنَشْفِي عَلَيْكَ، وَلَا نَكْفُرُكَ وَنَخْلَعُ وَنَتْرُكُ مَنْ يَفْعَرُكَ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ، وَلَكَ نَصَلِي وَنَسْجُدُ وَلَكَ نَسْعَى وَنَحْفَدُ وَنَخْشَى عَذَابَكَ الْجَدِّ، (وَتَرْجُو رَحْمَتَكَ إِنَّ عَذَابَكَ بِالْكَافِرِينَ مُلْحِقٌ). Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Du'a al-Qunut, no. Hadith. 3143. Al-Nawawi menyatakan bahawa sanad hadith ini

Menurut pandangan ulama fiqh Hanafi, Shafi'e, Hanbali dan Zahiri, doa Qunut yang sunat dibaca ialah doa (اللهم اهدنا فيمن هديت) sebagaimana riwayat al-Hasan Ibn 'Ali.¹¹² Tiada larangan untuk mengumpulkan bacaan Qunut riwayat 'Umar Ibn al-Khattab dan al-Hasan dalam satu doa. Jika ingin mengumpulkan di antaranya, maka sunat membacanya ketika solat secara bersendirian atau dengan imam yang diketahui melazimi bacaan Qunut yang panjang.¹¹³

Meskipun doa berikut adalah bacaan Qunut witr, ia boleh dibaca dalam Qunut subuh.¹¹⁴ Hal ini berdasarkan kepada riwayat Muhammad Ibn al-Hanafiyah dan Ibn 'Abbas yang mengisyratkan penggunaan bacaan Qunut witr dalam solat subuh.¹¹⁵

[Ketiga]: Mengangkat Tangan Ketika Qunut

Dalam mazhab Shafi'e, terdapat dua pandangan dalam hal ini:¹¹⁶

[Pertama]: Tidak disunatkan mengangkat tangan ketika Qunut. Hal ini mengambil kira perilaku berdoa ketika sujud dan duduk *tasyahhud*. Berdoa dalam solat tidak perlu untuk mengangkat tangan.

[Kedua]: Sunat mengangkat tangan ketika Qunut dengan cara menadah tangan ke langit ketika memohon sesuatu dan menterbalikkan tangan ketika memohon perlindungan daripada kejahatan dan musibah sebagaimana dipraktikkan dalam doa-doa yang lain. Hal ini sebagaimana perilaku Nabi SAW yang mengangkat tangan ketika Qunut bagi melaknat kabilah yang membunuh utusan baginda SAW.¹¹⁷ Abu Rafi' juga pernah solat di belakang 'Umar Ibn al-Khattab dan melihatnya mengerjakan Qunut selepas ruku', mengangkat tangan serta berdoa dengan lantang.¹¹⁸

Pandangan paling rajih dalam mazhab Shafi'e ialah disunatkan mengangkat tangan ketika mengerjakan Qunut dengan cara mengangkat tangan separas perut dan dada dengan kedua hujung tangan menadah ke langit.¹¹⁹

[Keempat]: Bacaan Imam dan Makmum

Dalam mazhab Shafi'e, jika imam melakukan Qunut dalam solat berjemaah, terdapat dua pandangan dalam hal ini:¹²⁰

adalah antara sahih dan hasan. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 298-299 dan al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 479.

¹¹² Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab al-Qunut fi al-Witr, 245, no. Hadith. 1425; al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Witr, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi al-Witr, no. Hadith 464. Rujuk Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, 245 dan al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 123-124.

¹¹³ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 476.

¹¹⁴ *Ibid.*, 3: 476.

¹¹⁵ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Du'a al-Qunut, no. Hadith. 3139; 3140 dan 3141. Menurut al-Bayhaqi, Burayd Ibn Abu Maryam meriwayatkan kedua-dua hadith tersebut dan hadith sah dan menjadi hujah dalam pelaksanaan bacaan Qunut witr dalam Qunut subuh. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 297-298.

¹¹⁶ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 479-480.

¹¹⁷ Hadith riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Rafa' al-Yadayn fi al-Qunut, no. Hadith. 3145. Al-Nawawi menyatakan bahawa sanad hadith ini adalah antara sahih dan hasan. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 299 dan al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 479.

¹¹⁸ Rujuk al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Solah, Jama' Abwab Kitab al-Solah, Bab Rafa' al-Yadayn fi al-Qunut, no. Hadith. 3150. Al-Bayhaqi mengatakan: riwayat Abu Rafi' daripada 'Umar adalah sahih. Qatadah juga mengatakan bahawa al-Hasan melakukan perkara sama. Rujuk al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, 2: 300.

¹¹⁹ Isma'il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 21.

[*Pertama*]: Tidak diharuskan membaca secara *jahar* (lantang). Hal ini sebagaimana dalam kebanyakan doa atau perilaku doa dalam *tashahhud*.

[*Kedua*]: Sunat. Ia merupakan pandangan paling sahih berdasarkan riwayat Abu Hurayrah mengenai perbuatan Nabi SAW yang membaca secara lantang dalam Qunut nazilah.¹²¹ Hal ini diqiaskan daripada doa melaknat bersamaan dengan doa memohon rahmat atau meminta perlindungan daripada azab. Bahkan doa boleh jadi baik dan buruk.¹²²

Bagi orang yang solat bersendirian, perlu membaca Qunut secara perlahan menurut satu riwayat dalam mazhab Hanbali atau lantang dalam riwayat yang lain. Justeru, orang yang solat secara bersendirian boleh memilih sama ada membaca secara lantang atau perlahan. Bagi makmum yang mendengar imam mengerjakan Qunut, perlu mengaminkan doa tersebut. Manakala bagi makmum yang tidak mendengar imam, maka lebih utama untuk melakukan Qunut.¹²³

Menurut Sa'id Hawwa, rumusan doa Qunut dalam mazhab al-Shafi'e terbahagi kepada dua bahagian:

[Bahagian Doa]: Dibaca secara *jahar* dan diaminkan oleh makmum jika solat berjemaah.

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرًّا (مَا قَضَيْتَ).

[Bahagian Pujian Kepada Allah SWT]: Dibaca secara *sirr* dan bersendirian.¹²⁴

إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مِنْ وَالَيْتَ، وَلَا يَعِزُّ مِنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا (وَتَعَالَيْتَ.....)

[*Kelima*]: Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW Selepas Qunut

Dalam mazhab Shafi'e, terdapat dua pandangan dalam hal ini:

[*Pertama*]: Sunat. Ini merupakan pandangan yang masyhur dalam mazhab Shafi'e. Pandangan sama turut diutarakan dalam mazhab Hanbali dan Abu al-Layth al-Samarqandi daripada mazhab Hanafi. Ini berdasarkan riwayat al-Hasan Ibn 'Ali yang menambahkan lafaz selawat dalam bacaan Qunut witr.¹²⁵ Menurut 'Ali Ibn Abu Talib: "*Setiap doa adalah terhijab sehingga berselawat kepada Nabi*

¹²⁰ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 481; 511.

¹²¹ Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi al-Qunut fi Solah al-Fajr, no. Hadith. 1244. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 221.

¹²² Al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 768.

¹²³ Isma'il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 24.

¹²⁴ Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqahiha*, Mesir: Dar al-Salam, 1994, 2: 750-751.

¹²⁵ Rujuk Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali,

Al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, Kitab Qiyam al-Layl wa Tatawwu' al-Nahar, Bab al-Du' fi al-Witr, no. Hadith. 1746. Dihukum da'if oleh al-Albani. Namun begitu, al-Nawawi menghukum sanad hadith tersebut sebagai sahih atau hasan. Rujuk al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i*, 284-285 dan al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 766.

*Muhammad SAW.*¹²⁶ Qunut merupakan suatu bentuk doa dan sebaik-baik doa adalah disertai selawat kepada baginda SAW.

[*Kedua*]: Tidak disunatkan. Bahkan jika dikerjakan akan membatalkan solat. Hal ini diibaratkan meletakkan rukun solat bukan pada tempatnya.¹²⁷

Pandangan paling rajih dalam hal ini ialah disunatkan berselawat kepada Nabi Muhammad SAW dalam Qunut berdasarkan riwayat al-Hasan Ibn 'Ali dan *athar* umum 'Ali Ibn Talib. Qunut merupakan suatu bentuk doa dan perlu disertai selawat kepada Nabi SAW. Doa merupakan ibadah dan ibadah yang tidak cukup syarat, boleh jadi tidak akan diterima. Sesuatu doa tidak akan diangkat kepada Allah SWT sehingga disertai selawat. Selawat merupakan wasilah dan *asbab* penerimaan doa.¹²⁸ Dalam solat berjemaah, bacaan selawat kepada Nabi dalam Qunut perlu dilakukan seiringan antara imam dan makmum.¹²⁹

[*Keenam*]: Menyapu Muka Dengan Kedua Tangan Selepas Qunut
Terdapat dua pandangan dalam hal ini iaitu:

[*Pertama*]: Sunat. Hal ini berlandaskan kepada hadith umum menyapu muka selepas berdoa riwayat Ibn 'Abbas dan 'Umar Ibn al-Khattab.¹³⁰

[*Kedua*]: Tidak menyapu muka selepas Qunut. Ini merupakan pandangan sahih dalam mazhab Shafi'e. Dalam satu riwayat daripada Ahmad Ibn Hanbal, dinyatakan beliau tidak pernah menyapu muka selepas Qunut.¹³¹ Al-Bayhaqi menyebutkan bahawa (amalan) menyapu muka dengan kedua tapak tangan setelah selesai Qunut tidak berasal daripada amalan *salaf al-Soleh*.¹³²

Berhubung perbuatan menyapu muka selepas berdoa di luar solat, nas tersebut adalah lemah. Ibn Mubarak juga tidak menjumpai nas yang thabit perihal menyapu muka selepas selesai berdoa.¹³³ Jika di luar solat tidak disyariatkan, apatah lagi menyapu muka dalam solat. Amalan berikut tidak berdasarkan *khobar* sahih daripada Rasulullah SAW, *athar* mahupun Qiyas. Justeru, pandangan yang rajih dalam hal ini ialah tidak perlu menyapu muka setelah mengangkat tangan untuk berdoa dan selesai Qunut.¹³⁴

[*Ketujuh*]: Hukum Meninggalkan Qunut

Menurut mazhab Hanafi, Qunut witr adalah wajib dan mesti menggantikan dengan sujud sahwi jika terlupa atau sengaja meninggalkannya.¹³⁵ Dalam mazhab Hanbali, diharuskan melakukan sujud sahwi jika meninggalkan Qunut. Ia tidak membatalkan solat meskipun

¹²⁶ Hadith riwayat al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Awsat*, no. Hadith. 721. Menurut al-Mundhiri, al-Tabarani meriwayatkan dalam kitab *al-Awsat* secara mawquf dan para perawinya adalah *thiqah*. Al-Mundhiri, al-Tarhib wa al-Tarhib, 2: 230. Rujuk al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Awsat*, Kaherah: Dar al-Haramayn, 1998, 1: 220.

¹²⁷ Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah*, 2: 750-751.

¹²⁸ Isma'il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 25.

¹²⁹ Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah*, 2: 751.

¹³⁰ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Du'a, Bab Raf' al-Yadayn fi al-Solah, no. Hadith. 3866 dan riwayat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Da'awat, Bab Ma Ja'a fi Raf' al-Ayday 'Ind al-Du'a, no. Hadith. 3386. Dihukum da'if oleh al-Albani. Rujuk Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 637 dan al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 768-769.

¹³¹ 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr, 1992, 1: 822.

¹³² Al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, 1: 766.

¹³³ *Ibid.*, 1: 767.

¹³⁴ Isma'il Shindi, *Ahkam al-Qunut*, 27.

¹³⁵ Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 1: 822.

ditinggalkan secara sengaja.¹³⁶ Menurut mazhab Maliki, orang yang lupa mengerjakan Qunut subuh tidak perlu melakukan sujud sahwi.¹³⁷ Dalam mazhab Zahiri, Qunut tergolong dalam perkara harus, baik jika dilaksanakan dan tidak memberi kesan jika sebaliknya.

Menurut al-Shafi'e, Qunut bukan berasal daripada rukun solat atau sebahagian daripadanya. Ia merupakan perlakuan sunat *hai'ah* yang tidak disunatkan untuk melakukan sujud sahwi. Menurut al-Nawawi yang menukilkan daripada al-Rafa'i, disunatkan melakukan sujud sahwi jika meninggalkan Qunut. Bahkan jika melakukan Qunut bukan pada tempatnya turut disunatkan melakukan sujud sahwi.¹³⁸

Cadangan Perdamaian Terhadap Kedua-Dua Belah Pihak

Daripada hasil analisis terhadap Qunut, tiada masalah yang jelas berhubung pengamalan Qunut witr dan nazilah. Sebaliknya mengenai Qunut subuh, jelas terdapat percanggahan antara dua pihak. Hal ini merupakan masalah khilafiyah yang dituntut untuk diselidiki asasnya.

Para ulama berbeza pandangan mengenai hukum Qunut subuh. Ada yang mengatakannya sebagai sunnah, ada yang mengatakan sebaliknya. Bahkan mendakwa sebagai bid'ah. Masing-masing mempunyai dalil dan hujah yang menjadi batu asas pandangan. Para imam mazhab turut mempunyai variasi pandangan dalam isu Qunut subuh:

[*Mazhab Hanafi*]: Qunut subuh sudah dinasakhkan dan tidak lagi disyariatkan bahkan beberapa ulama mazhab Hanafi mendakwanya sebagai bid'ah.

[*Mazhab Hanbali*]: Qunut dalam solat subuh atau solat fardhu adalah tidak sunnah. Qunut hanya dianjurkan dalam solat witr. Majoriti ulama hanabilah menghukum makruh Qunut subuh. Namun begitu, jika seseorang yang tidak meyakini kesunnahan Qunut subuh menjadi makmum imam yang mengerjakan Qunut, dianjurkan untuk mengikuti, berdoa dan mengaminkannya.

[*Mazhab Maliki*]: Qunut subuh masih disyariatkan dan hukumnya adalah sunat. Dianjurkan bagi imam, makmum atau orang yang solat bersendirian melakukan Qunut subuh pada sebelum atau selepas ruku' pada rakaat kedua.

[*Mazhab Shafi'e*]: Qunut subuh adalah *mustahab* (sunat) dan dilakukan selepas ruku' pada rakaat kedua solat subuh. Jika terlupa, maka dianjurkan melakukan sujud sahwi.

[*Mazhab Zahiri*]: Qunut tidak hanya dianjurkan dalam solat subuh, akan tetapi dalam semua solat fardhu dan witr. Qunut merupakan perbuatan yang baik dan dilakukan setelah *tahmid* daripada ruku' pada rakaat terakhir solat. Jika ditinggalkan, hukumnya tidak berdosa atau perlu melakukan sujud sahwi.

Oleh itu, Qunut subuh disyariatkan dalam mazhab Maliki dan Shafi'e. Hal ini berbeza dengan mazhab Hanbali dan Hanafi yang hanya mengkhususkan Qunut dalam

¹³⁶ Mansur Ibn Yunus al-Bahuti, *Daqa'iq Awla al-Nahy li Sharh al-Muntaha*, Beirut: 'Alam al-Kutub, 1993, 1: 220.

¹³⁷ Malik Ibn Anas, *al-Madunah al-Kubra*, Beirut: Dar al-Sadar, 1999, 1: 102.

¹³⁸ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, 3: 510.

solat witir. Manakala mazhab Zahiri lebih terbuka dan mengharuskan Qunut dalam semua waktu solat.

Dalam solat berjemaah, ditegah makmum daripada menyelisih dan menyalahi perbuatan imam disebabkan perbezaan mazhab antara imam dan jemaah. Apabila berjemaah di belakang imam yang membaca Qunut, hendaklah diikuti dan diaminkan. Begitu juga sebaliknya. Hal ini berdasarkan perintah Nabi SAW yang melarang para jemaah melakukan sesuatu pergerakan solat yang berbeza dengan imam.¹³⁹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ أَنَّهُ قَالَ: إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَ بِهِ فَلَا تَخْتَلَفُوا عَلَيْهِ، فَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُولُوا: رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ، وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلُوسًا أَجْمَعُونَ، وَأَقِيمُوا الصَّفَّ فِي الصَّلَاةِ فَإِنَّ إِقَامَةَ الصَّفِّ مِنْ حُسْنِ الصَّلَاةِ

Terjemahan:

Daripada Abu Hurayrah, Nabi SAW bersabda: “Imam (solat jemaah) dijadikan supaya diikuti. Oleh itu, jangan melakukan perkara-perkara yang berbeza dengannya. Apabila dia rukuk, rukuklah. Apabila dia membaca “Sami‘ Allahu li man Hamidah”, ucaplah “Rabbana laka al-Hamd.” Apabila dia sujud, sujudlah. Apabila dia solat duduk, duduklah kamu semua (dalam jemaah). Luruskan saf kerana sesungguhnya saf yang lurus adalah tanda kesempurnaan solat (jemaah).”

[Hadith riwayat al-Bukhari]¹⁴⁰

Dalam konteks masyarakat yang menjunjung mazhab Shafi’e sebagai panduan dalam isu fiqh, Qunut subuh adalah sunnah dan menjadi amalan zaman berzaman di Malaysia. Hal ini mengambil pandangan al-Nawawi al-Shafi’e yang menggalakkan Qunut Subuh setiap hari. Membaca Qunut subuh ketika i’tidal pada rakaat kedua solat subuh tergolong dalam perbuatan sunat *ab’ad*. Jika meninggalkannya, disunatkan untuk melakukan sujud sahwi. Al-Shafi’e menyatakan: “Tiada Qunut dalam solat lima waktu lain kecuali dalam solat Subuh. Jika terjadi bencana, maka boleh mengerjakan Qunut dalam semua waktu solat jika mengkehendaki.”¹⁴¹

Bagi golongan yang tidak mahu mengamalkan, hal ini atas pendirian dan hujah masing-masing. Qunut subuh merupakan isu *ijtihadiah* antara fuqaha, bersangkutan isu *furu’iyah* dan bukan *i’tiqadiyah*. Kedua-duanya adalah benar sama ada mahu mengerjakan Qunut atau sebaliknya.

Oleh itu, tidak wajar menyalahkan golongan yang tidak sebulu. Apa yang lebih penting ialah berlapang dada dan meraikan perbezaan tersebut dengan penuh adab dan hikmah tanpa perlu mempraktikkan budaya *tafsiq* atau *tabdi’*. Sifat bertimbang rasa perlu dipraktikkan bagi mengelakkan salah faham antara sesama Islam. Hal ini sebagaimana ditonjolkan oleh al-Shafi’e yang tidak mengerjakan Qunut ketika berziarah ke Baghdad bagi menghormati pandangan pendokong mazhab Hanafi. Sufyan al-Thawri menyebutkan: “Jika kamu mengerjakan Qunut subuh, ia baik (*hasan*). Jika kamu meninggalkan, ia juga baik.”¹⁴²

¹³⁹ Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, 2: 203.

¹⁴⁰ Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih, Kitab al-Adhan, Bab Iqamah al-Saf Min Tamam al-Solah, no. Hadith. 772. Al-Bukhari, *Jami’ al-Sahih*, 1: 237-238.

¹⁴¹ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, 5: 178.

¹⁴² Al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, 3: 125.

KESIMPULAN

Jalan penyelesaian terbaik untuk menghapuskan sebarang salah faham dalam kalangan masyarakat berhubung amalan Qunut ialah dengan merujuk kepada nas tulen dan pandangan ulama muktabar. Dalam konteks fiqh dan *waqi'* di Malaysia, Qunut hukumnya sunnah. Apabila mengerjakannya, akan beroleh pahala dan tiada apa-apa jika tidak mengerjakannya.

Berhubung Qunut subuh, terdapat nas yang mensyariatkan Qunut, namun ada pula nas yang menyatakan sebaliknya. Justeru, hal itu harus difahami secara adil dan saksama. Apa yang perlu diambil perhatian ialah menghayatinya sebagai medan khilaf dalam masalah *furu'iyah* yang tidak perlu diperdebatkan selain menerapkan sifat saling menghormati antara satu sama lain.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) bernombor: FP026-2015A dengan tajuk penyelidikan: “*Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia: Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima,*” bagi tempoh 2015-2017 dan juga termasuk hasil bagi penyelidikan bagi Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG) bernombor: RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: *Digitalisasi Dan Autentikasi Hadith Dalam Karya-Karya Jawi Nusantara.*

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Karim Soleh, Hammud Ibn ‘Abd Allah, Majmu‘ Fatawa Soleh al-Fawzan, Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 1999.
- ‘Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Qudamah, al-Mughni, Beirut: Dar al-Fikr, 1992.
- ‘Ala’ al-Din Ibn Mas‘ud al-Kasani, Bada’i‘ al-Sana’i‘ fi Tartib al-Shara‘iq, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, 1986.
- ‘Ali Ibn ‘Umar al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.
- ‘Ali Ibn Abu Bakr al-Haythami, Majma’ al-Zawa’id, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, 1988.
- ‘Ali Ibn Bilban al-Farisi, Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Bilban, Beirut: Muassasah al-Risalah, 2013.
- ‘Alī ibn ‘Uthmān Ibn al-Turkumānī, *al-Jawhar al-Naqi ‘ala Sunan al-Bayhaqi*, Damsyiq: Dar al-Nawadir, 2013.
- Abu ‘Abd Allah Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal Ibn Hilal Ibn Asad al-Shaibani, Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Beirut: Muassasah al-Risalah, 2001.
- Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Isma‘il al-Bukhari, al-Jami‘ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah wa Sunanihi wa Ayyamih al-Masyhur bi Sahih al-Bukhari, Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiah wa Maktabatuha, 1997.
- Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali, *Sunan al-Nasa’i*, Riyad: al-Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Abu Dawud, Sulayman Ibn al-Ash‘ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Riyad: al-Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000.
- Abu al-Qasim Sulayman Ibn Ahmad al-Tabarani, al-Mu‘jam al-Kabir, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, 1983.

- Abu Bakr Muhammad Ibn Ishak Ibn Khuzaymah Ibn al-Mughirah Ibn Soleh Ibn Bakr al-Salmi al-Naysaburi, *Sahih Ibn Khuzaymah*, Beirut: Maktab al-Islami, 1992.
- Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Riyad: Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Ithna' al-Nashr, 2001.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1985.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn Ibn 'Ali al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2002.
- Al-Husayn Ibn Mas'ud al-Baghawi, *Sharh al-Sunnah*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1983.
- Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi wa Muassasah al-Turath al-'Arabi, 1992.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani al-Shafi'i, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1379H.
- Isma'il Shindi, *Ahkam al-Qunut fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah Fiqhiyah Muqaranah*, Palestin: Jami'ah al-Quds al-Maftuhah/al-Khalil, 2004.
- Malik Ibn Anas, *al-Madunah al-Kubra*, Beirut: Dar al-Sadar, t.t.
- Mansur Ibn Yunus al-Bahuti, *Daqa'iq Awla al-Nahy li Sharh al-Muntaha*, Beirut: 'Alam al-Kutub, 1993.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn 'Abd al-Rahim *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-Fikr lil Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 2014.
- Muhammad Ibn 'Abd al-Wahid Ibn al-Hamam, *Fath al-Qadir*, Beirut: Dar al-Fikr, 2001.
- Muhammad Ibn 'Ali al-Shaukani, *Nayl al-Awtar*, Beirut: Dar al-Jil, 2011.
- Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Bashshar 'Awad Ma'ruf, Dar al-Maghrib al-Islami, 1998.
- Muhammad Ibn Abu Bakr Ibn Qayyim, *Zad al-Ma'ad fi Hadi Khayr al-'Ibad*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987.
- Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyah, 1952.
- Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Riyad: al-Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999.
- Muhammad Na'im Muhammad Hani Sa'i, *Mawsu'ah Masa'il al-Jumhur fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Dar al-Salam, 2007.
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi', 2000.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya Ibn Sharf, *al-Majmu' Sharh Muhdhab*, Oman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2009.
- _____, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Beirut: al-Dar al-Thaqafah al-'Arabiah, 1929.
- _____, *al-Majmu'*, Jeddah: Maktabah al-Irshad. 2002.
- _____, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim Ibn Hajjaj*, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyah bi al-Azhar, 1929.
- Said Hawwa, *al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqahiha*, Mesir: Dar al-Salam, 1994.
- Sulayman Ibn Khalaf al-Baji, *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta'*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Islami, 1332H.
- Al-Tabarani, Sulayman Ibn Yunus, *al-Mu'jam al-Awsat*, Kaherah: Dar al-Haramayn, 1998.

- Zakariya Ibn Ghulam Qair al-Bakistani, *Ma Sah Min Athar al-Sahabah fi al-Fiqh*, Jeddah: Dar al-Kharraz, 2000.
- Abu Bakr bin Abi Shaibah, ‘Abd Allah bin Muhammad bin Ibrahim, *Musnad Ibn Abi Shaibah*, ed. ‘Adil bin Yusuf al-‘Azazi dan Ahmad bin Farid al-Mazidi, Riyadh: Dar al-Watan, 1997.
- Abd al-Karim Soleh, Hammud Ibn ‘Abd Allah, *Majmu‘ Fatawa Soleh al-Fawzan*, Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah, 1999.